
TABUNG HAJI
SEJARAH
HAJI MALAYSIA
ARAFAT STARTS HERE


KUALA LUMPUR
سلامت بلايدان سلامت كمبالي كفد سموا باكل حاج
تابوع حاج
واتموا الحج والعمرة لله


TABUNG HAJI
حي على الفلاح
SEJARAH
HAJI MALAYSIA

LEMBAGA TABUNG HAJI

Menara ***TH*** Tun Razak
Ibu Pejabat Tabung Haji
201, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

Tabung Haji Contact Centre (THCC)
+603 - 6207 1919
https://www.tabunghaji.gov.my

Penerbitan:
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Jabatan Haji

Cetakan Pertama 2023

ISBN 978-983-2819-38-7

Hak Cipta Terpelihara
Tidak dibenarkan mencetak semula, mengeluar ulang mana-mana bahagian dalam buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanikal, termasuk fotokopi dan rakaman atau dengan apa juga cara sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Tabung Haji.



Penasihat
YBhg Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman Al-Mufadhal

Ketua Pengarang
Haji Mohd Sawal Abong

Sekretariat
Haji Mohd Sawal Abong
Haji Ahmad Shahriman Johari
Haji Ekma Faroza Kamarudin
Hajah Rozila Omar Ali
Haji Mohd Rizzal Khalid
Haji Abdul Halim Ayub
Haji Azahiri Azahidi
Haji Nazib Hassan
Haji Syed Ahmad Juhari Syed Mohd Arshad

Penyelidik
Hajah Rozila Omar Ali
Haji Mohd Rizzal Khalid

Pereka & Editor Foto
Modern Essence Sdn. Bhd.

Sumber Foto
Lembaga Tabung Haji
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
Arkib Negara Malaysia
National Achives of Singapore
Profesor Dr Faridah Abdul Rashid
Puan Kamariah Md Natt

Sumber Rujukan

1. *Buku Haji di Semenanjung Malaysia. Sejarah Perkembangannya Sejak Tahun 1300 - 1406H (1896 - 1985M),* YBhg Dato' Setia Jasa Haji Muhammad Saleh Haji Awang atau MISBAHA (1986)
2. *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun,* Jabatan Perdana Menteri (1993)


SAUDIA
KLINIK MALAYSIA
MAKTAB 55



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN DAN KATA ALU-ALUAN

SEJARAH AWAL HAJI 8 - 21
PENYEBARAN AGAMA ISLAM DI TANAH MELAYU
SEJARAH AWAL UMAT ISLAM TANAH MELAYU KE TANAH SUCI

SEJARAH PENGANGKUTAN JEMAAH HAJI KE TANAH SUCI 22 - 35
SEJARAH PENGGUNAAN KAPAL LAUT
SEJARAH PENGGUNAAN KAPAL TERBANG

SEJARAH PERSEDIAAN UMAT ISLAM TANAH MELAYU MENUNAIKAN HAJI 36 - 41
IMPIAN YANG TINGGI
PERSEDIAAN PERBELANJAAN
PERSEDIAAN TONG SAHARA
SIRIH TUAM DAN NASI GERIT

PERKHIDMATAN SYEIKH HAJI DAN DALIL 42 - 53
ISTILAH SYEIKH HAJI DAN DALIL
PERALIHAN KE SISTEM MUASSASAH

HAL EHWAL HAJI ERA PEMERINTAHAN INGGERIS 54 - 57

CABARAN UMAT ISLAM MENUNAIKAN HAJI 58 - 63

ERA INSTITUSI PENGURUSAN HAJI 64 - 75
PENUBUHAN JAWATANKUASA PENASIHAT URUSAN HAJI
PEJABAT HAL EHWAL URUSAN HAJI
JAWATANKUASA SIASATAN HAJI
PENUBUHAN PERBADANAN WANG SIMPANAN BAKAL-BAKAL HAJI
PENCAPAIAN AWAL

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI 76 - 81
GABUNGAN DUA BADAN BERKAITAN HAJI
KELEBIHAN MENYIMPAN
AKTIVITI PENDAFTARAN HAJI

ERA EVOLUSI DAN PEMODENAN PENGURUSAN HAJI 82 - 177
SEJARAH PERKHIDMATAN KESIHATAN KEPADA JEMAAH HAJI
SEJARAH PELEPASAN JEMAAH HAJI KE TANAH SUCI
AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS) 1975
SAJIAN JEMAAH HAJI
SEJARAH BIMBINGAN HAJI
ERA PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
SEJARAH PERKHIDMATAN JEMAAH HAJI DI MAKTAB
ERA DIGITALISASI PENGURUSAN MAKTAB
KERJA SUKARELA SAHABAT MAKTAB
SEJARAH PENGENDALIAN PENGELOLA JEMAAH HAJI
MASYA'IR DAHULU DAN KINI
TRAGEDI YANG MELIBATKAN JEMAAH HAJI MALAYSIA
PETUGAS MENYANTUNI JEMAAH HAJI
PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 PERKHIDMATAN HAJI

PENGURUSAN HAJI KINI DAN MASA HADAPAN 178 - 187
FAKTOR KEJAYAAN
CABARAN
PELAN INDUK PENGURUSAN HAJI (*HAJJ BLUEPRINT*)

SEKALUNG PENGHARGAAN 188

INDEKS 189 - 190

PERUTUSAN



Pertamanya, segala puji ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas semua nikmat-Nya, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Alhamdulillah, pada tahun ini Lembaga Tabung Haji (***TH***) meraikan Sambutan Ulang Tahun Ke-60 yang amat bermakna buat ***TH*** khususnya dan juga umat Islam di Malaysia umumnya. Selama enam dekad beroperasi mengurus perjalanan haji umat Islam negara pada saban tahun, pelbagai evolusi telah dilalui dan banyak pencapaian penting yang telah dikecapi oleh ***TH***.

Penerbitan buku *Sejarah Haji Malaysia* ini adalah usaha ***TH*** mengajak umat Islam negara untuk mengenang kembali sejarah perjalanan haji bermula sejak agama Islam bertapak di Tanah Melayu. Sejarah haji yang penuh warna-warni telah dirakamkan di dalam buku ini, bermula daripada era awal sistem Syeikh dan pengangkutan kapal laut sehingga lah ke era kapal udara yang lebih moden.

Rentetan peristiwa berkaitan haji yang didokumentasikan secara menarik mengingatkan kita kepada jasa para pemimpin dan kesungguhan warga kerja terdahulu yang komited memberi khidmat bakti dalam memastikan kesinambungan operasi ***TH*** selama ini. Ini perlu difahami oleh generasi baru umat Islam negara kerana mereka merupakan golongan pelapis yang bakal mewarisi tanggungjawab membawa pengurusan haji negara ke arah yang lebih cemerlang.

Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dan telah banyak menyumbang masa, tenaga serta buah fikiran dalam menjayakan penerbitan buku *Sejarah Haji Malaysia* ini. Semoga buku yang padat dengan sejarah dan gambar-gambar menarik berkaitan haji ini akan menjadi sumber rujukan berguna kepada para pembaca.

Akhir kata, semoga segala usaha menambahbaik pengurusan haji negara dipermudahkan agar ia terus progresif dalam memudah-cara perjalanan haji para jemaah negara dalam usaha mereka memperoleh haji yang Mabrur, Insya-Allah.

Salam Hormat.

Tan Sri Azman Haji Mokhtar
Pengerusi
Lembaga Tabung Haji

KATA ALU-ALUAN



Penerbitan buku *Sejarah Haji Malaysia* bertujuan merakamkan penghargaan terhadap semua warga kerja Tabung Haji (***TH***) dahulu dan kini yang telah menyumbang tenaga, sokongan dan semangat kepada ***TH*** untuk terus melangkah maju. Mereka merupakan tulang belakang operasi ***TH*** dan telah menghadapi pelbagai cabaran dan pengorbanan dalam usaha menyantuni Dhuyufurrahman. Semoga sejarah dan pengalaman selama 60 tahun yang diabadikan di dalam buku *Sejarah Haji Malaysia* menjadi sumber inspirasi dan pedoman kepada generasi akan datang dalam berjihad untuk menempa tamadun ummah yang lebih gemilang. Dengan dedikasi dan perjuangan mereka, ***TH*** kini menjadi institusi pengurusan haji yang dihormati bukan sahaja di Malaysia, malah di mata dunia.

Sejak penubuhan ***TH*** pada tahun 1963, matlamat unggulnya adalah untuk menyantuni para Dhuyufurrahman Malaysia. Bermula hanya sebagai satu saluran bagi bakal jemaah untuk menabung wang simpanan mereka untuk menunaikan ibadat haji, kini ***TH*** telah berkembang menjadi institusi Islam yang menguruskan perjalanan haji dari saat mereka mendaftar haji sehinggalah mereka pulang ke tanah air dan bergelar haji dan hajah.

Selama 60 tahun, ***TH*** telah menghantar sebanyak 1.48 juta jemaah haji ke Tanah Suci untuk melengkapkan rukun Islam kelima mereka. Apabila pendeposit ***TH*** mendaftar haji buat kali pertama di kaunter ***TH***, mereka telah memberikan tanggungjawab dan amanah kepada warga ***TH*** untuk menguruskan wang simpanan dan menguruskan perjalanan haji mereka. Amanah ini juga telah memberikan semangat kepada ***TH*** untuk sentiasa berusaha bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pendeposit ***TH*** dan bakal haji.

Pengiktirafan ***TH*** sebagai agensi pengurusan haji terbaik dunia harus dikongsi bukan sahaja kepada warga tempatan, bahkan dengan warga antarabangsa. Sudah tiba masanya, Muzium Haji ditubuhkan bagi menyimpan segala sumber sejarah berkaitan dengan haji dan mengabadikan sumbangan mereka yang berjasa dalam penubuhan ***TH*** dan pengurusan haji.

Akhir kalam, saya mengharapkan agar buku ini dapat mengimbas sejarah pengurusan haji yang dilihat dari pelbagai sudut sama ada dari perspektif petugas, jemaah haji, pengurus, pelaksana mahupun mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan haji.

Marilah kita mendoakan agar ***TH*** kekal menjadi sebuah institusi yang mampan dan memberikan manfaat bukan sahaja untuk generasi hari ini, bahkan selama-lamanya, dan untuk warga Malaysia, serta warga dunia amnya. Amin.

Sekian, wassalam.

Syed Hamadah Syed Othman
Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Tabung Haji

KATA ALU-ALUAN



Alhamdullillah Rab al-`Alamin wabihi nasta`in `ala umur al-dunya wa al-din. Segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda

Ibadat haji merupakan satu tanggungjawab keagamaan yang telah sebati di dalam diri orang Melayu sejak penduduk Tanah Melayu mula menganuti ajaran Islam. Tanggungjawab kepada agama Islam yang mempunyai hubungan rapat dengan Makkah dan Madinah ini telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada masyarakat Melayu, dan perkara ini merupakan faktor terjalinnya hubungan yang erat di antara Tanah Melayu dan Tanah Hijaz. Ibadat haji sememangnya dekat di hati keseluruhan umat Islam.

Ternyata perjalanan ke Tanah Suci bagi menyempurnakan rukun Islam kelima menuntut kesabaran dan pengorbanan yang begitu tinggi. Cabaran dan pengorbanan ini menunjukkan bahawa ibadat haji ialah satu perkara yang cukup penting dalam kehidupan seseorang.

Terdapat pelbagai bahan sejarah yang dilalui umat Islam di Malaysia dalam melaksanakan ibadat haji; oleh itu sewajarnya bahan sejarah ini diketengahkan kepada masyarakat sekarang dan juga generasi akan datang.

Urusan haji telah melalui proses evolusi dan juga proses pemodenan sehingga ke hari ini. Evolusi proses pengurusan haji dan pengalaman haji perlu diabadikan sebagai warisan negara. Dan penerbitan buku ini merupakan satu usaha perkongsian pengalaman dan pengetahuan berkenaan dengan pengurusan haji.

Penerbitan buku ini sangat bermakna kepada pelbagai pihak. Bagi seluruh warga anggota ***TH*** dari dahulu hingga sekarang, ia adalah bukti komitmen mereka yang tidak pernah pudar dalam melaksanakan tugas masing-masing dalam menyantuni Dhuyufurrahman. Saya juga berharap dengan penerbitan buku ini menjadi pintu untuk gedung ilmu yang boleh dimanfaatkan dan sebagai amal jariah bagi memenuhi seruan ke jalan Allah SWT.

Akhir kata, marilah kita terus menabur bakti kepada para tetamu Allah SWT agar kita dapat mewariskan kejayaan-kejayaan ini kepada generasi umat Islam Malaysia yang akan datang.

Sekian, wassalam.

Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman Al-Mufadhal
Pengarah Eksekutif Haji
Lembaga Tabung Haji




EVOLUSI PERKHIDMATAN HAJI





SEJARAH AWAL HAJI



PENYEBARAN AGAMA ISLAM DI TANAH MELAYU

Pada abad kesembilan Masihi, satu rombongan pendakwah, diketuai oleh ulama yang dikenali dengan panggilan Nakhoda Khalifah, telah mendarat di Perlak, kini dalam daerah Aceh Utara. Rombongan tersebut dianggotai oleh 100 orang Arab, Parsi dan India.

Kehadiran rombongan pendakwah Islam ini menjadi titik permulaan tertubuhnya kerajaan Islam di Alam Melayu melalui hubungan pernikahan antara mubaligh dengan puteri Raja Perlak. Raja Pasai telah turut diislamkan oleh para mubaligh pada abad ke-13.

Hubungan Kedah Tua di pantai barat Tanah Melayu dengan dunia Arab turut dibuktikan oleh ahli sejarah. Raja Kedah yang mula memeluk Islam pada tahun 1137 Masihi ialah Sultan Muzaffar Syah.

Wang syiling dinar emas yang tertera tarikh 577 Hijrah, bersamaan 1181 Masihi, yang dijumpai di Tumpat pula membuktikan bahawa Islam telah bertapak di Kelantan seawal abad ke-12.


Penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang, menjelaskan fakta bahawa sebuah kerajaan Islam telah ditubuhkan di Terengganu selewat-lewatnya pada tahun 1303 Masihi.

Parameswara, atau Sultan Iskandar Syah, telah memeluk agama Islam sekitar abad ke-15, dan ini ialah titik tolak perkembangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu.

(*Sumber: Hasanuddin & Tun Suzana, 2018. Miftahul Malayu. Penerbit Alami Sdn Bhd*)



Suasana jemaah haji menunaikan rukun Islam kelima pada tahun 1925



SEJARAH AWAL UMAT ISLAM TANAH MELAYU KE TANAH SUCI

Sejarah umat Islam Tanah Melayu berangkat ke Tanah Suci bermula apabila agama Islam dianuti selepas tersebarnya dakwah oleh para mubaligh, selewat-lewatnya pada abad ke-15, kerana pelaksanaan ibadat haji dituntut oleh agama Islam bagi mereka yang berkemampuan.

Tanah Melayu menyimpan sejarah awal umat Islam menunaikan ibadat haji di Tanah Suci. Antara mereka adalah golongan istana, kenamaan, ulama, pengembara, dan umat Islam lain.

Sekilas Fakta

Mengerjakan haji ke Baitullah merupakan rukun Islam kelima. Ia wajib ditunaikan oleh setiap Muslim, lelaki dan perempuan, apabila cukup syarat-syaratnya. Menurut jumhur ulama', fardu haji mula diwajibkan pada tahun keenam Hijrah kerana pada tahun itulah turunnya wahyu Allah SWT:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

(Al Baqarah - ayat 196)

Maksudnya: "Dan tunaikanlah atau sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah."






Snouck Hurgronje (1884)



William R. Roff (1981)



Matheson dan Hooker (1984)



YBhg Dato' Setia Jasa Haji Muhammad Saleh Haji Awang (1986)



YBhg Profesor Datuk Dr. Mohammad Redzuan Othman (2003)



Dr. Aiza Maslan@Baharudin (2014)

Tidak banyak catatan tentang pemergian mereka; namun, ada yang telah menulis atau menceritakan secara lisan yang kemudiannya dicatat oleh orang lain sebagai catatan sejarah.

Antara penulis Barat yang menulis tentang sejarah haji orang Melayu adalah Snouck Hurgronje (1884), William R. Roff (1981), dan Matheson dan Hooker (1984).


Sementara penulis dan pengkaji tempatan pula adalah YBhg Dato' Setia Jasa Haji Muhammad Saleh Haji Awang atau MISBAHA (1986), YBhg Profesor Datuk Dr. Mohammad Redzuan Othman (2003) dan Dr. Aiza Maslan@Baharudin (2014).

Buku Haji di Semenanjung Malaysia. Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300 – 1406H (1896-1985M) oleh MISBAHA (1986) sentiasa menjadi rujukan para penyelidik sejarah haji Malaysia.

Sultan Alauddin Riayat Shah, sultan ketujuh dalam kerajaan Melayu Melaka (1477-1488), pernah menunaikan haji di Makkah, setelah ayahanda baginda Sultan Mansur Shah, tidak dapat berangkat kerana gering, seperti dicatatkan oleh penulis Portugis, Tome Pires, dalam buku *Suma Oriental* (1512-1515).




Tome Pires



Buku Suma Oriental (1512-1515)



Ilustrasi kapal Mendam Berahi



Ilustrasi gambar Laksamana Hang Tuah

Penulis *Hikayat Hang Tuah* menceritakan bahawa Laksamana Hang Tuah dan rombongannya singgah di Jeddah dan mengerjakan haji dalam perjalanan menemui kerajaan Turki Uthmaniyah (*Ottaman*) untuk menjalin hubungan diplomatik dan membeli meriam yang besar.

Pemergian rombongan Hang Tuah menaiki kapal rasmi kerajaan Melayu Melaka, bernama *Mendam Berahi*.



Manuskrip Hikayat Hang Tuah mengenai persinggahan Hang Tuah menunaikan haji





Syeikh Abdullah Fahim



Pondok pengajian Daeratul Ma'arifil Wathoniah

Kebanyakan ulama silam menjadikan Hijaz sebagai tempat menuntut ilmu, selain menunaikan ibadat haji. Ada antara mereka ini adalah sahabat. Ada juga yang berguru sesama mereka dan kenal mengenali sebelum kembali ke tanah air.

Ramai tokoh ulama ternama Tanah Melayu yang mendapat pendidikan semasa masih kecil di Tanah Suci Makkah. Antaranya Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Ibrahim atau Syeikh Abdullah Fahim.

Terdapat riwayat yang menyatakan bahawa beliau lahir pada tahun 1870 di kawasan Shi'b 'Amir, Makkah, belajar di sana dan kembali ke tanah air untuk berbakti dalam bidang ilmu agama, termasuk mengasaskan pusat pengajian Daeratul Ma'arifil Wathoniah, Seberang Perai, Pulau Pinang.

Sekilas Fakta

Antara tokoh ulama yang pernah ke Tanah Suci:



Al 'Alamah Syeikh Abdul Malik bin Abdullah
Tok Pulau Manis dari Terengganu menunaikan haji pada tahun 1670-an.




Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al Idrus
Dikenali sebagai Tok Ku Tuan Besar, pergi ke Makkah pada tahun 1815.



Tok Kenali atau Tuan Guru Muhammad Yusof bin Ahmad
Bertolak ke Makkah pada tahun 1886.





Tuan Hussain bin Mohammad Nasir
Diberitakan ke Makkah pada tahun 1892 dan kembali pada tahun 1896.



Buku yang mengisahkan tentang Syeikh Abdul Malik Abdullah yang ditulis oleh Dr. Shafie Abu Bakar

Abdullah Munsyi mencatatkan pengalamannya belayar menuju Jeddah pada tahun 1854 dengan menaiki kapal bernama *Subulus Salam* dari Singapura. Antaranya, Abdullah menulis tentang saat dilambung ombak ketika berada di atas kapal menuju ke Jeddah.





Sekilas Fakta

Beberapa fakta mengenai Abdullah Munsyi

Nama sebenar :
Abdullah Abdul Kadir Munsyi
Dilahirkan pada tahun 1796 di Kampung Pali, atau kini Kampung Ketek, Bandar Melaka.

Belayar ke Jeddah selama 89 hari. Meninggal dunia di Jeddah pada tahun 1854 akibat taun.




Kapal dilambung ombak

Haji Abdul Majid Zainuddin menulis tentang pemergian Sultan Zainal Abidin, Sultan Terengganu III ke Tanah Suci pada tahun 1913.

Baginda menaiki kapal dan menghadapi ujian ketika berlabuh di Aden. Akibatnya baginda dijangka lewat tiba di Jeddah untuk menunaikan haji. Rombongan baginda kemudian menaiki kapal lain yang lebih kecil dan tiba di Jeddah lebih cepat dengan bantuan angin. Berkat kesabaran dan tawakal, baginda sempat menunaikan fardu haji pada tahun itu.



Sultan Zainal Abidin melawat Mesir selepas menunaikan haji



Sekilas Fakta

Biodata
Haji Abdul Majid Zainuddin:

Dilahirkan di Kuala Lumpur pada tahun 1887. Keluarganya berasal dari Bonjol, Minangkabau.

Pendidikan awal di Sekolah Melayu Pudu (1894), Victoria Institution (1895) dan Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK).

Pernah menjadi guru, guru besar dan guru pelawat sebelum dilantik sebagai Pegawai Haji Tanah Melayu yang pertama pada tahun 1924.

Antara buku karangan beliau adalah *A Malay's Pilgrimage to Mecca* (1926).

Tokoh pendidikan yang seangkatan dengan Pendeta Za'ba. Kisah beliau boleh diikuti dalam buku *The Wandering Thoughts of a Dying Man* (1978).





SEJARAH PENGANGKUTAN JEMAAH HAJI KE TANAH SUCI

Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2014/0019007g1



SEJARAH PENGGUNAAN KAPAL LAUT


Telah wujud kapal-kapal layar di alam Melayu berukuran besar sejak berabad yang lalu, terutama jenis Jong dan Ghali yang digunakan untuk urusan perdagangan ke pelbagai pelosok dunia seperti India, Sri Lanka, Burma, Timur Tengah dan Afrika (Hashim Musa, *Teknologi Perkapalan Melayu Tradisional: Jong dan Ghali Meredah Tujuh Lautan*, 2019).

Kapal perdagangan ini turut menjadi pengangkutan laut untuk membawa umat Islam dari kepulauan Melayu menunaikan haji dan menuntut ilmu di Timur Tengah.


Kapal layar ini sangat bergantung kepada angin untuk belayar dari gugusan pulau-pulau Melayu ke Aden pada bulan-bulan tertentu.

Keterangan dari nota kaki buku sejarah haji MISBAHA menyebut, 'menyusur pantai di bawah angin' pada bulan-bulan yang bertiup angin dari arah timur ke barat, sebelum munculnya 'tiupan di atas angin' dari arah barat ke timur, untuk kapal-kapal haji belayar.

Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2001/0051546g1



Gambar lakaran kapal jong



Karya penulisan
Lynda Norene Shaffer (1996)



Sekilas Fakta

Lynda Norene Shaffer, profesor sejarah di Turfts Universiti USA, dalam bukunya *Maritime Southeast Asia to 1500* (1996), telah menyatakan bahawa pelayar-pelayar Melayu merupakan pelayar-pelayar yang mempunyai ilmu laut yang tinggi dan berupaya belayar merentasi lautan beribu-ribu batu tanpa bantuan kompas atau carta bertulis.

Pelayar Melayu menggunakan angin, bintang, warna air laut, dan rupa bentuk gelombang laut untuk mengetahui lokasi.

Mereka boleh mengetahui kedudukan sesebuah pulau walaupun mereka masih berjarak 30 batu dari pantainya hanya dengan melihat tabiat burung-burung tertentu, haiwan dan tumbuhan laut serta rupa bentuk gelombang pada permukaan laut.

Pelabuhan Aceh ialah hub perjalanan haji terawal dari Nusantara yang digunakan untuk pelayaran ke Jeddah bagi tujuan menunaikan haji. Apabila pelabuhan Pulau Pinang dibuka, ia mengambil alih peranan hub perjalanan kapal haji, selain pelabuhan Singapura.

Sejarah pengangkutan kapal haji mula beralih kepada penggunaan kapal wap (*steamship*), berikutan pelancaran kapal wap pertama pada tahun 1818.


Menyedari semakin ramai umat Islam dari Tanah Melayu dan bahagian lain di Nusantara menunaikan haji, golongan peniaga turut tertarik untuk meraih keuntungan perniagaan daripada perkhidmatan membawa jemaah haji dengan kapal laut dari Tanah Melayu ke Jeddah. Maka, kapal berenjin pun mulailah mengambil tempat pengangkutan laut bagi para jemaah haji.

Syarikat Blue Funnel, Syarikat China Navigation dan Syarikat Great Malaysia Line terlibat dalam sejarah operasi membawa jemaah haji Tanah Melayu dari tahun 1936 hingga 1976.

Sekilas Fakta

Kapal *SS Savanah* ialah kapal wap pertama yang belayar melalui Lautan Atlantik pada tahun 1818.





Kapal Tyndareus ialah kapal yang membawa jemaah haji Tanah Melayu pada tahun 1940-an



Senarai kapal yang digunakan untuk membawa jemaah haji dari Tanah Melayu/Malaysia

Sekilas Fakta

Kapal wap *Tyndareus* sebuah kapal perang British yang dibina pada tahun 1914 telah diubah suai menjadi kapal penumpang untuk pengangkutan haji dan dikenali sebagai *Kapal Haji Serombong Biru*.

15TH CENTURY
- MENDAM BERAHI

1854
- SUBULUS SALAM

1936
- ANTIROCHUS
- BELLOPHON
- CYCLOPS
- PROTESILAUS

BLUE FUNNEL

1940'S
- AGAMEMNON
- AUTOMEDDON
- ADRATUS
- ATREUS
- AJAX
- EURUBATES
- GLAUCUS
- IDOMENEUS
- MANILUS
- NELEUS
- PHRONTES
- RHESUS
- LYACAON
- LAOMEDON
- TYNDAREUS
- TEUCER

BLUE FUNNEL

1950
- PROMETHEUS

BLUE FUNNEL

1951
- ANSHUN (5576 GROS)
- ANKING

CHINA NAVIGATION

1970'S
- MALAYSIA KITA (MALAYSIA BARU/ RATU TIMUR)
- MALAYSIA RAYA
- KUALA LUMPUR (12568 GROS)

GREAT MALAYSIA LINE

Sumber : MISBAHA

Keberangkatan kapal haji di pelabuhan Pulau Pinang dan aktiviti jemaah haji di Lebuh Acheh berakhir pada tahun 1976 apabila tiada lagi perkhidmatan kapal laut digunakan untuk membawa jemaah haji, termasuk dari pelabuhan Klang dan Singapura, selepas tahun itu.

Sekilas Fakta

Syarikat Great Malaysia Line ialah syarikat perkapalan terakhir yang membawa jemaah haji dengan kapal laut pada tahun 1976, apabila kapal *Malaysia Raya* dan *Malaysia Kita* terbakar.





Suasana di Pelabuhan Singapura
Sumber : National Archives of Singapore





Pelabuhan Pulau Pinang dan Singapura, 1940
Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2008/0004786g1

Logo Perbadanan Pengangkutan dan Perusahaan Tabung Haji (PPPTH)



Pejabat Urusan PPPTH

SEJARAH PENGGUNAAN KAPAL TERBANG

Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) memulakan usaha melancarkan urusan pengangkutan jemaah haji dengan menubuhkan anak syarikat penuhnya, iaitu Perbadanan Pengangkutan dan Perusahaan Tabung Haji (PPPTH), pada 9 September 1972.

Peranan awal anak syarikat ini adalah menjadi ejen tiket kapal laut untuk syarikat Great Malaysia Line mulai tahun tersebut bagi pelabuhan Klang dan kemudiannya, pelabuhan Pulau Pinang.

Penubuhan PPPTH juga telah memulakan usaha penggunaan kapal terbang untuk membawa jemaah haji ke Tanah Suci.



Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2001/00354 87g1_124





Sekilas Fakta

Biodata
YBhg Tan Sri Dato' Hanafiah bin Haji Ahmad

Berkelulusan dari Universiti Malaya (1962) dan Universiti Harvard (1979).

Pernah berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Luar Negeri pada tahun 1962.

Dilantik sebagai Timbalan Pengarah Besar LUTH (1974-1976) dan Pengarah Besar LUTH (1977-1987) serta Pengerusi LUTH (1988-1992).

Menerima Anugerah Ramon Magsaysay pada tahun 1987 sebagai pengikhtirafan kepada ***TH*** di atas sumbangan kepada umat Islam untuk menunaikan haji dengan selamat dan tidak menjejaskan ekonomi mereka.



Syarikat penerbangan Donalson



Syarikat penerbangan Sudan Airways



Syarikat penerbangan Pakistan

Pada tahun 1972, pesawat sewa khas milik Pakistan International Airlines dan Sudan Airways digunakan untuk membawa jemaah haji negara ini untuk menunaikan haji. Pada tahun tersebut, seramai 1,000 jemaah haji telah menggunakan kapal terbang.

Pada tahun 1973, LUTH memeterai perjanjian dengan Donalson International Airlines bagi membawa seramai 2,700 jemaah haji dengan menggunakan pesawat Boeing 707.

Ketika menjadi Timbalan Pengarah Besar LUTH, YBhg Tan Sri Dato' Hanafiah Ahmad telah berunding dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pada tahun 1974 untuk membawa jemaah haji dengan kapal terbang milik syarikat penerbangan tempatan buat pertama kali.

Bermula pada tahun 1977, pesawat MAS menjadi pengangkutan tunggal membawa jemaah haji negara sehinggalah tahun 1997.

Kerjasama MAS dan ***TH*** terhenti seketika sehingga 2002 apabila ***TH*** memilih untuk bekerjasama dengan syarikat Transmile dan Air Asia. Walau bagaimanapun, kerjasama MAS dan ***TH*** disambung semula pada tahun 2003 sehingga sekarang.

TH juga telah menerbangkan jemaah haji dengan pesawat syarikat Saudi Airlines setiap tahun bersama MAS secara pembahagian 50-50.

*Majlis perjanjian kerjasama antara Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan **TH.** Mewakili **TH** ialah YBhg Dato' Haji Ahmad bin Yeop Abdul Hamid (tiga dari kanan) dan YBhg Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman (dua dari kanan) mewakili MAS*





Pesawat Transmile dan Air Asia













Pesawat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) membawa jemaah haji ke Tanah Suci

*Majlis perjanjian kerjasama antara Saudi Airlines dan **TH.** Encik Sameer Khayyat (hadapan, kiri) mewakili Saudi Airlines dan YBhg Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman Al-Mufadhal (hadapan, tengah) mewakili **TH** disaksikan oleh YBhg Tan Sri Ismee Ismail (belakang, tiga dari kanan), YBhg Datuk Seri Johan Abdullah (belakang, kanan), dan Haji Abdul Kadir Sahlan (hadapan, kanan)*







Perkhidmatan Saudi Airlines


malaysia airlines
100th A380
LIGHT AIRCRAFT
TATON




























Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



SEJARAH PERSEDIAAN UMAT ISLAM TANAH MELAYU MENUNAIKAN HAJI



IMPIAN YANG TINGGI

Seseorang yang akan berangkat menunaikan haji sangat dipandang mulia oleh masyarakat. Pemergian ke Tanah Suci adalah manifestasi kesungguhan umat Islam menunaikan tanggungjawab melaksanakan rukun Islam dan menjadi impian semua orang. Keluarga dan sahabat yang berkunjung akan mengucapkan selamat kepada pasangan bakal haji.

Maka, menjadi kebiasaan orang Melayu di kampung-kampung, memulakan persediaan untuk keberangkatan ke Tanah Suci dengan mengadakan kenduri dan doa selamat serta diziarahi keluarga, saudara-mara, jiran tetangga, dan sahabat handai.

PERSEDIAAN PERBELANJAAN

Kebanyakan kaedah memperoleh dana oleh umat Islam untuk menunaikan haji adalah melalui penjualan harta yang dimiliki seperti tanah dan binatang ternakan. Simpanan secara sedikit demi sedikit dalam tempoh yang panjang juga diusahakan melalui kaedah tradisi, iaitu simpanan dalam tabung, almari, tempayan dan lain-lain.

Abdul Majid Zainuddin, Pesuruhjaya Haji pertama, menulis mengenai keperluan wang perbelanjaan menunaikan haji pada tahun 1924 adalah antara $500 hingga $600 untuk bayaran di tanah air, urusan di Jeddah, sewa unta, rumah di Makkah, khemah dan makanan di Arafah Mina serta pelbagai bayaran lain.

MISBAHA menulis bahawa bapanya telah menyimpan wang belanja sedikit demi sedikit selama lapan tahun sebelum menunaikan haji pada tahun 1926 dengan wang belanja terkumpul $1,000.

Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

PERSEDIAAN TONG SAHARA

Persediaan penting seorang bakal haji dahulu adalah menyediakan keperluan mereka ketika di Tanah Suci. Kebanyakan barang-barang tersebut diisi di dalam Tong Sahara.

Tong Sahara ialah peti yang dibuat daripada papan. Peti ini dinamakan Tong Sahara kerana ketahanannya di pelbagai situasi dan lokasi, termasuk di padang pasir.

Bahagian hadapan tong ini perlu ditulis, dengan menggunakan cat, nama dan alamat jemaah haji serta Syeikh Haji di Makkah supaya mudah dikenal pasti. Cat pula harus mengikut warna yang ditetapkan oleh pelabuhan pelepasan.

Raga besar juga digunakan untuk membawa keperluan bakal haji. Kebiasaanya, Tong Sahara dan raga ini diikat dengan tali yang diperbuat khas oleh mereka yang mahir.



Tong Sahara dinaikkan ke dalam kapal dengan menggunakan kren
Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Tong Sahara dan raga digunakan untuk menyimpan pelbagai barangan, makanan dan keperluan lain



SIRIH TUAM DAN NASI GERIT

Pelbagai keperluan barangan dan makanan yang dibawa pada masa dahulu. Antara makanan yang unik dalam catatan sejarah persediaan bakal haji ialah Sirih Tuam dan Nasi Gerit.



Sirih ialah makanan yang dibawa setelah dituam dan diikat rapi
Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

Sirih Tuam disediakan dengan memanaskan sirih sedikit dalam kuali berisi pasir dan lada hitam, sebelum dijemur seketika dan diikat rapi.



Sirih Tuam

Nasi Gerit ialah nasi yang dikeringkan supaya tahan lama. Nasi ini terkenal sebagai bekalan dalam kalangan penduduk utara tanah air dahulu.



Nasi Gerit

Jawatankuasa Penasihat Urusan Haji, yang ditubuhkan pada tahun 1948, ada mengeluarkan buku *Pemandu Jemaah Haji* pada tahun 1964, dan panduan ini mengandungi cadangan barangan penting yang seelok-eloknya dibawa.







Kandungan buku Pemandu Jemaah Haji tahun 1964 simpanan Puan Kamariah Md Natt dari Lebuh Acheh, Pulau Pinang





PERKHIDMATAN SYEIKH HAJI DAN DALIL

Sumber : National Archives of Singapore

ISTILAH SYEIKH HAJI DAN DALIL

Syeikh Haji
Dalam kamus mereka ialah '**orang-orang yang menguruskan orang naik haji**'. Namun di Tanah Arab, mereka yang dikenali sebagai **Syeikh Haji** oleh orang-orang Melayu, sebenarnya, dinamakan **Mutawif**.

Mutawif
Seseorang yang memimpin tawaf di sekeliling Kaabah bersama dengan jemaah haji.

Dalil
Panggilan bagi mereka yang menyediakan perkhidmatan untuk jemaah haji di Madinah, termasuk membawa ziarah ke tempat bersejarah.

Muzawwir
Gelaran bagi orang yang membawa jemaah haji berziarah di Madinah.







Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

Sejarah kewujudan institusi Syeikh di Kota Suci memberikan perkhidmatan kepada jemaah haji adalah sangat lama. Ahli sejarah menyifatkan institusi ini seusia syariat haji itu sendiri.

Bermula dengan peranan memberi minum kepada pengunjung dan menjaga Kaabah oleh penduduk Makkah, kini aktiviti perkhidmatan ini telah menjadi sumber pendapatan kepada kumpulan Syeikh Haji.

Laksamana Hang Tuah, ketika bersama rombongannya singgah menunaikan haji, telah mendapat khidmat Syeikh Malek di Makkah dan Syeikh Jamaluddin di Madinah.

Raja Ahmad dan Raja Ali memilih Syeikh Ahmad Musyafi semasa di Makkah dan Madinah pada tahun 1827, seperti dalam buku *Tuhfat al Nafis*. Sultan Terengganu Ke-11, Sultan Zainal Abidin III dan rombongan baginda pula mendapatkan perkhidmatan Syeikh Nik Mat Kecik Fatani pada tahun 1913.

Bilangan Syeikh Haji yang dikenangi pernah memberi perkhidmatan kepada jemaah haji Nusantara, termasuk Tanah Melayu, melebihi 200 orang. Antara yang terkenal adalah Abdullah Arshad Betawi, Abd Rahman Salleh Indragiri, Ahmad Lampong, Abd Malik Rawa, Sabri Rawa, Abdul Hamid Taha Filfilan, Yaakub Perak, Hassan Jabir, dan As'ad Dom.

Dalam kalangan Dalil di Madinah pula, antara yang terkenal adalah Abu Jud, Abdul Aziz Taiyyar dan Abdul Aziz Yassin.

Persiapan penting bakal-bakal haji sebelum ke Tanah Suci adalah mendapatkan Syeikh Haji atau ejen mereka di tanah air.




Ahli Persatuan Syeikh-Syeikh Haji Pulau Pinang
Sumber : Citra Kejayaan Malaysia



Di Singapura, kawasan sekitar pelabuhan yang menjadi perkampungan jemaah haji ialah Jalan Sultan, Jalan Minto, Arab Street dan lain-lain serta berdekatan Kampung Gelam.

Lebuh Acheh di Pulau Pinang pula menjadi tempat himpunan jemaah haji terbesar ketika musim keberangkatan ke Makkah, dan tempat ini menjadi contoh bagi melihat peranan Syeikh Haji dan ejennya sebelum meninggalkan tanah air.

Aktiviti Kampung Gelam di Singapura
Sumber : National Archives of Singapore



Masjid Melayu (Jamek) Lebuh Acheh, Pulau Pinang
Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2001/0038928g1

Mengikut tulisan Haji Abdul Majid Zainuddin pada tahun 1924, kapal laut hanya akan berlabuh sekitar lima batu dari pelabuhan kerana terdapat banyak batu karang sekitar pelabuhan Jeddah.

Dari kapal laut, jemaah haji akan menaiki perahu Arab yang dinamakan sebagai *Dhow* bersama semua barangan mereka untuk menuju ke pelantar pelabuhan Jeddah. Urusan ketibaan kapal di pelabuhan Jeddah melibatkan proses imigresen dan kastam terhadap jemaah haji dan barangan mereka.

Istilah 'Pintu Soal' dikaitkan dengan laluan jemaah haji di pelabuhan Jeddah. Di pintu soal inilah urusan sambutan oleh Syeikh Haji berlaku apabila nama syeikh disebut oleh jemaah yang melintasinya.

Madinatul Hujjaj menjadi tempat kenangan dan bersejarah bagi jemaah haji yang baru tiba di Jeddah sebelum mereka di bawa ke Makkah atau Madinah.

Kebiasaannya, Syeikh Haji cuba memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada jemaah haji dan menjalin hubungan yang rapat dengan mereka. Rekod baik akan menjadi buah mulut untuk orang lain memilih perkhidmatan mereka pada musim-musim haji mendatang.

Peranan Syeikh Haji telah menjadi suatu sistem pentadbiran dan pengurusan haji semasa musim haji, dan sistem ini di bawah kawalan Kementerian Haji Arab Saudi.



Pintu Soal di pelabuhan Jeddah
Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Madinatul Hujjaj, Jeddah
Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Aktiviti Syeikh Haji menyantuni jemaah haji
Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Peninggalan rumah-rumah Syeikh Haji di Makkah, yang pernah menjadi penginapan oleh jemaah haji semasa musim haji seperti di kawasan Shi'b 'Amir, Misfalah, Ajyad, Suq Al Layl dan Syubaikah



Mesyuarat Ahli Lembaga Muassasah Tawafah Asia Tenggara yang dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Sheikh Zuhair Abdul Hamid Sedayu (tiga dari kiri)

PERALIHAN KE SISTEM MUASSASAH


Pada tahun 1976, kerajaan Arab Saudi mulai menguatkuasakan sedikit perubahan kepada Sistem Syeikh Haji yang telah berjalan sejak sekian lama. Hasratnya untuk menambah baik sistem sedia ada melalui peraturan yang lebih sistematik. Antara perubahan penting yang dilaksanakan adalah:

Walau bagaimanapun, perubahan ini telah menimbulkan beberapa masalah lain. Pada tahun 1982 kerajaan Arab Saudi merencanakan pula Sistem Muassasah.


Akhirnya Sistem Muassasah mulai dilaksanakan bagi jemaah haji Malaysia dan negara-negara di Asia Tenggara yang lain pada tahun 1984.




Syeikh Haji hanya ditentukan oleh kerajaan Arab Saudi.



Syeikh Haji daripada luar Arab Saudi tidak dibenarkan.



Melantik pegawai-pegawai Syeikh kerajaan.



Kerajaan menetapkan kuota setiap Syeikh Haji untuk mengelak pengambilan terlalu ramai yang menyebabkan perkhidmatan tidak memuaskan.



*Mesyuarat antara Muassasah Tawafah Asia Tenggara dan **TH***





*Suasana di pejabat **TH** Makkah bersama Syed Mohamed Abdullah Al-Haddad, Konsul Haji (dua dari kiri) dan Sheikh Ahmad Lampong (kiri).*


Jika dahulu Syeikh Haji memberi perkhidmatan kepada jemaah haji secara individu bersama tenaga pekerjanya, kini wujud institusi perkhidmatan yang dikendalikan oleh kumpulan Syeikh-Syeikh Haji.

Kini Sistem Muassasah diakui telah menyediakan khidmat yang lebih efisien dan moden. Sistem ini juga melalui berbagai kemajuan dalam menyantuni jemaah haji setiap musim haji.

Antara perubahan penting Sistem Muassasah berbanding dengan Sistem Syeikh Haji adalah:



Jemaah tidak lagi memilih Syeikh Haji, sebaliknya mereka diperuntukkan maktab bagi Muassasah Tawafah Asia Tenggara.



Muassasah membenarkan Tabung Haji memilih bangunan penginapan dan penempatan jemaah berdasarkan ukuran muatan 2m x 1m.



Muassasah akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan sistematik.



Petugas haji bersama YBhg Dato' Ahmad bin Yeop Abdul Hamid (kiri) selaku Ketua Rombongan Haji mengukur keluasan bilik penginapan jemaah haji



Mesyuarat Pengurusan Operasi Haji Tanah Suci bersama Muassasah Tawafah Asia Tenggara



Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2001/0022157g1



Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2001/0026026g1





HAL EHWAL HAJI ERA PEMERINTAHAN INGGERIS

Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2001/0022305g1



Perjanjian Pangkor antara pihak Inggeris dan raja-raja Melayu

Perjanjian Pangkor 1874 memberi hak berkaitan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu kepada raja-raja Melayu dan menyatakan bahawa Inggeris tidak campur tangan. Namun Inggeris tetap menganggap pelaksanaan ibadat haji oleh rakyat tanah jajahan mereka sesuatu yang mencurigakan atas sebab kepentingan politik dan kebimbangan mereka terhadap pengaruh anasir luar.

Oleh kerana itu, Inggeris tidak memberikan kebebasan kepada orang Melayu mengendali keseluruhan pengurusan haji. Namun, mereka tidak pula melibatkan diri sepenuhnya dalam menyelesaikan isu-isu kebajikan dan kepentingan jemaah haji.

Disebabkan itulah Inggeris menubuhkan satu Jawatankuasa Haji pada tahun 1922 yang dipengerusikan oleh Pengarah Biro Perisikan Politik Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu dengan ahlinya terdiri daripada beberapa wakil orang Melayu.

Jawatankuasa ini memberi cadangan mengenai pas haji dan pengembalian harta serta wang jemaah haji yang telah meninggal dunia. Selain itu, jawatankuasa ini meminta Pejabat Luar London melantik seorang pegawai Melayu dan pembantu bagi mengendalikan urusan umat Islam menunaikan haji.


Pada tahun 1924, Abdul Majid Zainuddin telah dilantik sebagai Pegawai Haji pertama. Beliau dibantu oleh seorang kerani bernama Wan Yusof bin Wan Husin Temenggong.

Jawatan Pegawai Haji kemudian ditukar namanya kepada Pesuruhjaya Haji. Abdul Majid Zainuddin adalah Pesuruhjaya Haji pertama. Beliau memegang tugas sehingga tahun 1937.

Pemerintah Inggeris telah mengeluarkan buat pertama kalinya, Pas Haji pada tahun 1924 dan mewujudkan *Pilgrims Pass Rule*, 1926 bagi tujuan mewajibkan pengeluaran dokumen tersebut kepada jemaah haji dengan bayaran $0.50 seorang. Pengeluaran pas ini dilaksanakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah Negeri-Negeri.

Apabila wabak yang melanda dunia dan usaha kawalan antarabangsa ke atas kapal laut dilaksanakan, pemerintah Inggeris telah mengadakan *Pilgrim & Pilgrim Ship Rules,* 1930. Peraturan ini mewajibkan pengambilan vaksin taun dan cacar sebelum jemaah haji bertolak ke Tanah Suci.

Dengan pengambilan vaksin ini, kapal haji dari Tanah Melayu boleh meneruskan pelayaran ke Jeddah tanpa perlu dikuarantin selama 24 jam di Pulau Camaran yang terletak sekitar 500 batu dari pelabuhan Jeddah.




Haji Abdul Majid Zainuddin (tengah) ialah Pegawai Haji pertama yang dilantik oleh pemerintah Inggeris
Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2001/0047142g1

Pada tahun 1951, pemerintah Inggeris sekali lagi telah mengubal undang-undang yang berkaitan dengan urusan haji bagi orang-orang Islam. Undang-undang ini dinamakan *Muslim Pilgrim Ordinance*.

Undang-undang ini ditubuhkan untuk menyediakan kaedah yang lebih baik dan tersusun dalam hal urusan haji bagi orang-orang Islam di Tanah Melayu berikutan terdapatnya rungutan dan aduan pelbagai pihak.



Suntikan jemaah haji
Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



A BILL

intituled

An Ordinance to provide for the protection and control of persons making the pilgrimage to the Hedjaz.

[ ]

IT IS HEREBY ENACTED by the High Commissioner of the Federation of Malaya and Their Highnesses the Rulers of the Malay States with the advice and consent of the Legislative Council as follows:

Part I

PRELIMINARY.

1. This Ordinance may be cited as the Pilgrims Shipping Ordinance, 1951, and shall come into force on such date as the High Commissioner may, by notification in the Gazette, appoint.

2. (1) In this Ordinance, unless the context otherwise requires—

"Chief Customs Officer" means the chief executive officer of the customs for any port or place outside the Federation;

"Court" in relation to any proceeding includes any Court having jurisdiction in the matter to which the proceeding relates;

"disease" means any contagious or infectious disease of a dangerous nature;

"effects" includes clothes and documents;

"Harbour Master" means any officer by whatever name called duly appointed to perform the duties of a harbour master at any port in the Federation;

"master" includes every person, except a pilot, having command or charge of any ship;

"medical officer" means a medical officer having the qualifications prescribed;

"name" includes a surname;

"officer" in relation to a ship includes a master, mate, engineer, gunner, boatswain and engine driver;

"owner" in relation to a ship includes a charterer;

"passenger" includes any person carried in a ship, other than the master, pilot, crew, the owner, his family and servants, infants in arms under the age of

Dokumen Muslim Pilgrim Ordinance 1951
Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 1957/0300760g0010



Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)







CABARAN UMAT ISLAM MENUNAIKAN HAJI



Ilustrasi kapal layar

Sejarah menunjukkan bahawa pemergian umat Islam di Tanah Melayu zaman dahulu dilakukan dengan pelbagai kepayahan, bermula dengan penyediaan wang untuk melunas tuntutan agama sekali sepanjang hidup.

Apabila berhadapan dengan pengangkutan laut yang bergelora, sesebuah kapal itu umpama sekeping sabut terumbang ambing dan tidak terarah seperti yang dicatat oleh Abdullah Munsyi. Cabaran kapal patah tiang layarnya, menambah derita dan kepayahan orang-orang haji seperti dialami oleh Tok Kenali semasa belayar ke Makkah.

Perjalanan haji ketika itu adalah antara hidup atau mati, entah akan sampai atau tidak, sama ada akan kembali ataupun sebaliknya.

Tulisan Jaafar bin Jusoh dalam buku *Perihal Pemergian ke Makkah dan Madinah* (1936), menjadi rujukan untuk menjelaskan keadaan di atas kapal. Walaupun bukan lagi era kapal layar, tetapi cabaran menaiki kapal laut tetap ada pada masa itu.

Jaafar menulis, ketika belayar tahun 1936, tentang keadaan kesesakan dalam kapal, ketiadaan kemudahan yang setimpal semasa pelayaran, makanan yang tidak mencukupi dan keadaan laut yang tidak menentu, memungkinkan berlakunya jumlah kematian atas kapal yang tinggi.

Sasterawan Harun Aminurrashid menyatakan bahawa keadaan dalam kapal ketika belayar tahun 1960 sebagai sesuatu yang berat untuk dijelaskan. Katanya, tempahan kelas dek berharga Ringgit 626.70 dan kelas dua berharga Ringgit 686.70 seperti menempah kesusahan pergi balik selama sebulan.

Masalah kesihatan jemaah haji dan penyakit berjangkit sering dialami. Jemaah dari Tanah Melayu turut terdedah kepada masalah kesihatan yang membawa kepada kematian ketika di Tanah Suci.

Ketika sebahagian dunia mengalami wabak taun, langkah kawalan penyakit melalui kuarantin semasa tempoh perjalanan haji turut dilalui oleh jemaah haji. Peraturan kuarantin yang melibatkan kapal-kapal haji mula dikuat kuasa pada tahun 1896.

Ketibaan di Jeddah penuh cabaran seperti yang dialami oleh Abdullah Munsyi. Sukar untuk jemaah haji mendapatkan barangan yang bertimbun dan tidak tersusun. Ada pula yang rosak dan hilang. Jemaah terpaksa menanggungnya dengan kepayahan dalam suasana tidak teratur.



Kesesakan di pelabuhan semasa pelepasan dan di atas kapal
Sumber : National Archives of Singapore



Tuan Haji Syed Alwi bin Syed Sheikh Al-Hadi
Tokoh Negarawan

Keadaan tidak banyak berubah walaupun telah memasuki abad ke-20. Haji Abdul Majid Zainuddin, Pegawai Haji pertama menyebut bahawa Jeddah memang cantik dipandang dari atas kapal, tetapi keadaan bandarnya berdebu, kotor dan sempit.

Dari Makkah ke Madinah, jemaah haji zaman awal melalui jalan yang sukar dengan menaiki unta dan kemudian menggunakan motokar.

Dalam pada itu, mereka sentiasa berada dalam bahaya ditahan oleh pihak perompak seperti berlaku ke atas penulis Haji Abdul Majid Zainuddin pada tahun 1923 di Bir Abbas, walaupun ada usaha kawalan oleh kerajaan.

Disebabkan khidmat Syeikh Haji yang tidak seragam dalam kalangan orang-orang haji dari Tanah Melayu, pelbagai kerenah wujud pada masa itu.

Menurut catatan seorang tokoh negara, Tuan Haji Syed Alwi bin Syed Sheikh Al-Hadi, ketika menunaikan haji pada tahun 1954, penempatan jemaah haji di rumah-rumah Syeikh rata-rata terdiri daripada bangunan yang lama, terutama yang berdekatan dengan masjid.

Apabila jemaah haji ingin tinggal berhampiran masjid, mereka sanggup memilih untuk bersempit-sempit dan berada dalam keadaan tidak selesa.



Sebelum usaha dibuat pada musim haji 1926, tidak ada rekod untuk mengetahui bilangan sebenar umat Islam Tanah Melayu yang pergi ke Tanah Suci dan yang kembali ke tanah air.

Pengesahan kematian dalam kalangan jemaah haji turut mengundang kepayahan apabila dokumen tersebut diperlukan untuk tuntutan balik separuh tambang kapal seperti yang tertera di tiket.

Di tanah air, kejadian kemalangan turut dialami ketika urusan kapal haji berlangsung. Kejadian kemalangan jemaah haji di Pulau Pinang ketika perpindahan dari kapal ke perahu untuk dikuarantin ke Pulau Jerjak telah menjadi isu masyarakat pada tahun 1947.

Berita Harian 9 Julai 1962 melaporkan bahawa tangga kapal untuk naik ke kapal patah ketika orang ramai berebut menaiki kapal *Kuala Lumpur*, menyebabkan 20 orang cedera.

Segala cabaran dan kepayahan yang dialami oleh umat Islam yang menunaikan haji dihadapi dengan rasa kesabaran demi memelihara keikhlasan menyempurnakan ibadat haji.

Apa jua cabaran dan kepayahan yang dilalui, mereka tetap rasa bersyukur kerana dapat melaksanakan haji yang telah melunaskan impian selama ini.



Suasana semasa pelepasan jemaah haji di pelabuhan





ERA INSTITUSI PENGURUSAN HAJI

Sumber : Internet



Sumber : National Archives of Singapore



Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 1957/0001116 E

YAB Perdana Menteri Malaysia Pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, hadir semasa pelepasan jemaah haji di pelabuhan

Sekilas Fakta

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah pengganti kepada Perlembagaan Malayan Union 1946 yang telah dimansuhkan. Ia kemudian digantikan dengan Perlembagaan Persekutuan 1957.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 telah membawa harapan terhadap perubahan dalam usaha menambah baik kebajikan jemaah haji.

Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi dan menjaga kepentingan orang Melayu telah membawa nafas baharu terhadap kemajuan hal ehwal agama Islam, termasuk urusan haji.

PENUBUHAN JAWATANKUASA PENASIHAT URUSAN HAJI

Mesyuarat Menteri-Menteri Besar pada tahun 1948 bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Urusan Haji bagi memberi tumpuan kepada permasalahan hal ehwal haji di Tanah Melayu.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh seorang Menteri Besar secara bergilir, sementara ahli-ahlinya terdiri daripada kalangan Menteri-Menteri Besar atau wakil dari setiap negeri, termasuk dari Singapura, Brunei, Sarawak dan British Borneo. Setiausahanya pula ialah Pegawai Pengawal Haji. Pengerusi pertama jawatankuasa ini ialah YAB Raja Haji Ahmad bin Raja Endut, Menteri Besar Perlis.

Walaupun jawatankuasa ini merupakan badan penasihat, tetapi ia telah banyak menghasilkan inisiatif ke atas kebajikan jemaah haji yang tidak dilaksanakan sebelum ini.



Jawatankuasa Penasihat Urusan Haji



YAB Raja Haji Ahmad bin Raja Endut, Menteri Besar Perlis (1948 - 1954)

Sekilas Fakta

Jawatankuasa Penasihat Urusan Haji kekal berperanan selepas kemerdekaan tetapi dimansuhkan pada tahun 1969. Kemudian, ia diwujudkan semula pada tahun 1973 dengan nama Majlis Penasihat Urusan Haji dan mengekalkan wakil setiap negeri sebagai ahli.


PEJABAT HAL EHWAL URUSAN HAJI

Pada tahun 1951, pemerintah Inggeris mengubal undang-undang yang berkaitan dengan urusan haji bagi orang-orang Islam di Tanah Melayu. Undang-undang ini dinamakan Ordinan Pengurusan Haji Orang-orang Islam, 1951 atau *Muslim Pilgrim Ordinance*.

Di bawah peruntukan dalam ordinan ini, Pejabat Hal Ehwal Urusan Haji telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun yang sama.

Pejabat ini beroperasi di bawah Pengurusan Pegawai Pengawal Haji, iaitu Haji Ali Rouse, dan Pesuruhjaya Haji serta kakitangan di bawahnya.

Pejabat Pengawal Haji ini menjadi perantara dengan ejen Syeikh Haji, wakil syarikat kapal, pejabat daerah dan tanah serta agensi lain yang terlibat dengan urusan haji.



PART I.

PRELIMINARY

1. This Ordinance may be cited as the Pilgrims Ordinance, 1951, and shall come into force on such date as the High Commissioner may, by notification in the *Gazette*, appoint.

2. (1) In this Ordinance, unless the context otherwise requires—

"Chief Customs Officer" means the chief executive officer of sea customs for any port or place outside the Federation;

"Court" in relation to any proceeding includes any Court having jurisdiction in the matter to which the proceeding relates;

"disease" means any contagious or infectious disease of a dangerous nature;

"effects" includes clothes and documents;

"Harbour Master" means any officer by whatever name called duly appointed to perform the duties of a harbour master at any port in the Federation;

"master" includes every person, except a pilot, having command or charge of any ship;

"medical officer" means a medical officer having the qualifications prescribed;

"name" includes a surname;

"officer" in relation to a ship includes a master, mate, engineer, gunner, helmsman and engine driver;

"owner" in relation to a ship includes a charterer;

"passenger" includes any person carried in a ship, other than the master, pilot, crew, the owner, his family and servants, infants in arms under the age of twelve months and persons on board the ship either

The Muslim Pilgrim Ordinance
Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 1957/0300760g0010



Bangunan yang pernah digunakan sebagai Pejabat Hal Ehwal Urusan Haji, Lebuh Pantai, Pulau Pinang





Haji (Dato') Mustapha Al Bakri (kiri)

Dr. Kamil Mohd Ariff (kanan)

JAWATANKUASA SIASATAN HAJI

Berikutan maklum balas pengurusan haji yang terus diterima, pemerintah Inggeris bersetuju melantik Dr. Kamil Mohd Ariff dan Haji (Dato') Mustapha Al Bakri menganggotai Jawatankuasa Siasatan Haji (*Pilgrimage Investigation Committee*) pada tahun 1955 untuk menyelidik permasalahan berkaitan hal ehwal haji di Tanah Melayu dan di Hijaz.

Laporan siasatan diserahkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Inggeris pada tahun 1956 selepas pulang dari menunaikan haji. Antara cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut adalah:


Sekilas Fakta

Dr. Kamil Mohd Ariff ialah Ahli Dewan Perundangan Persekutuan, manakala Haji (Dato') Mustapha Al Bakri ialah seorang peguam.

Dr. Kamil Mohd Ariff dan Haji (Dato') Mustapha Al Bakri adalah antara tokoh yang membawa isu haji dengan lebih berani kepada pemerintah Inggeris mengenai kebajikan jemaah haji pada masa itu.




Menaikkan taraf jawatan Pegawai Pengawal Haji dan memberi taraf Pesuruhjaya Haji kepada Konsular.




Menubuhkan Pejabat Haji di Jeddah.



Mengadakan pusat rawatan di Madinah.



Syeikh Haji tempatan didaftarkan, dan bayaran yang dikenakan oleh mereka dikawal.



Menghapuskan kelas dek dalam kapal.




Penubuhan badan berkanun mengenai hal ehwal haji.

PENUBUHAN PERBADANAN WANG SIMPANAN BAKAL-BAKAL HAJI

Di sebalik rentetan usaha meningkatkan kebajikan dan keselesaan jemaah haji, YM Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid telah mengemukakan pemerhatian beliau tentang kemiskinan luar bandar, cara penyimpanan dan perbelanjaan wang haji umat Islam untuk menunaikan fardu haji serta kesannya ke atas pembangunan ekonomi negara.

Berdasarkan banyak penyelidikan tentang kemiskinan di luar bandar, beliau mendapati bahawa kaedah menjual binatang ternakan dan harta serta menyimpan secara tradisi di rumah tidak lagi sesuai malah kaedah ini boleh mendatangkan kerugian jika harta tersebut hilang dan musnah. Orang Melayu tidak menyimpan di pejabat pos dan bank ketika itu kerana bimbang dikaitkan dengan unsur riba.



YM Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bersama YAB Tun Abdul Razak
Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2001/0039647g1



Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Kerja-kerja masyarakat kampung seperti bersawah, menoreh dan menangkap ikan

Sekilas Fakta

Biodata
YM Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz

Dilahirkan pada 28 Januari 1922, ialah seorang ahli ekonomi dan pensyarah di Universiti Malaya. Beliau merupakan seorang tokoh yang paling disegani, terutamanya dalam bidang pendidikan dan ekonomi Malaysia. Beliau mendapat gelaran Profesor Diraja (*Royal Professor*) dan merupakan satu-satunya pemegang gelaran tersebut di Malaysia.

YM Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz meninggal dunia pada 15 Disember 2020 ketika berusia 98 tahun.



YAB Tun Abdul Razak memberi ucapan dasar penubuhan Perbadanan Bakal-Bakal Haji (atas)

Kertas Cadangan Kerajaan (kanan)

Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2001/0039704g1



Sekilas Fakta

Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Kebajikan Ekonomi Bakal-Bakal Haji yang dipengerusikan oleh Menteri Muda Kementerian Luar Bandar, YB Tuan Haji Abdul Khalid Awang Osman. Peranan jawatankuasa ini adalah mengkaji memorandum YM Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz dan membuat perakuan cadangan penubuhan dari aspek perundangan dan implikasi kewangan.



YB Tuan Haji Abdul Khalid Awang Osman
Menteri Muda Kementerian Luar Bandar
Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 2200/10029895

YM Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz telah mengemukakan memorandum bertajuk Rancangan Membaiki Ekonomi Jemaah Haji (*Pilgrims Economy Improvement Plan*) kepada kerajaan pada tahun 1959 untuk dipertimbangkan.

Idea penting Ungku Aziz adalah menubuhkan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji bagi Tanah Melayu mengikut undang-undang, untuk membolehkan umat Islam menyimpan secara sedikit-sedikit. Sebelum wang digunakan bagi membiayai pemergian hajinya, dana yang terkumpul boleh digunakan untuk pembangunan negara, dan urusniaganya tidak mempunyai unsur riba. Umat Islam diberi bonus, bukan riba, atas perniagaan dan pelaburan yang dijalankan setiap tahun.

Pada awal tahun 1962, YAB Tun Abdul Razak Dato' Hussain, Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, membuat pengumuman cadangan penubuhan satu perbadanan untuk membantu bakal haji menyimpan wang secara senang, selamat dan menguntungkan.

Akhirnya, Rang Undang-Undang Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji diluluskan di bawah Akta Parlimen pada 7 September 1962.



YBhg Tan Sri Dato' Hanafiah bin Hussain, Pengurus Besar pertama Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji



Berita Harian, Sabtu 24 September 1963

Perbadanan Haji dapat sambutan ra'ayat

RISALAH2 MENYERU WANITA BERJUANG



Berita Harian, Jumaat 16 September 1963

Mari-lah kita menabong wang utk bekal ka-Haji

RENUNGAN

Hari Jum'at



Berita Harian, Isnin 19 September 1963

DARI RISALAH SOAL JAWAB

Perbadanan Wang Simpanan kal Haji



Berita Harian, Isnin 21 Oktober 1963

Tabong kuatkan ekonomi



Utusan Melayu, Rabu 13 Mei 1981

Keratan akhbar mengenai penubuhan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji.

Logo Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji

Pengurus Besar yang dilantik, Hanafiah bin Hussain, telah mengumumkan bahawa penyimpanan wang di perbadanan ini bermula pada 30 September 1963.

Cabaran Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji selepas ditubuhkan adalah menarik umat Islam menyimpan di badan tersebut. Kaedah penyimpanan bermula dengan cara yang mudah dengan mempromosikan amalan budaya 'Sikit-Sikit Lama-Lama Jadi Bukit'.

TH memulakan kempen kesedaran melalui tayangan wayang pacak tentang ibadat haji. Kempen ini bergerak ke segenap tempat di seluruh negara.



Pegawai Penerangan Haji Syed Othman Ali mempromosi simpanan di Tabung Haji



Wayang pacak

Sekilas Fakta

Pejabat awal Perbadanan Simpanan Wang Bakal-Bakal Haji di Bangunan Kerajaan Jalan Gurney (Jalan Semarak), Kuala Lumpur bertukar tempat ke Bangunan UMNO, Jalan Tuanku Abdul Rahman. Kemudian, ia berpindah ke bangunan ***TH*** di Jalan Ipoh. Bangunan Bakti Jalan Dang Wangi turut menjadi pejabat pengurusan haji selepas itu.

Bangunan Tabung Haji baharu di Jalan Tun Razak pada tahun 1985 menjadi mercu tanda kecemerlangan ***TH***. Seluruh konsep rekacipta bangunan ini adalah berdasarkan kepada tiga unsur dalam Islam iaitu kesederhanaan, displin dan perpaduan.



Bangunan UMNO



*Bangunan **TH** Jalan Ipoh*



Bangunan Bakti



PENCAPAIAN AWAL


Beberapa rekod pencapaian penting telah menggambarkan sokongan dan penglibatan umat Islam ke atas usaha ini sehingga kini:

- Jumlah pendeposit sebanyak 1,281 pada tahun pertama penubuhan kini telah mencecah lebih 8.7 juta orang.


- Jumlah simpanan terkumpul sebanyak RM46,610 pada tahun 1963 pula kini telah mencapai lebih RM87 billion.


Rekod pendeposit yang menggunakan simpanan perbadanan atau tabungan haji ini untuk menunaikan haji adalah seramai 165 orang pada tahun 1964 dan 400 orang tahun berikutnya. Kini puluhan ribu umat Islam menyimpan dan menunaikan haji melalui simpanan mereka di ***TH*** setiap tahun.

JUMLAH PENDEPOSIT
1963 HINGGA 2022



JUMLAH SIMPANAN TERKUMPUL (RM)
1963 HINGGA 2022





" Selamat belayar dan selamat kembali kepada semua bakal-bakal haji, simpanlah dalam Tabung Haji untuk menyempurnakan haji dan pembangunan masyarakat Islam, simpanan melalui pejabat-pejabat Pos dan Ibu Pejabat Tabung Haji."






LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

GABUNGAN DUA BADAN BERKAITAN HAJI

Pejabat Hal Ehwal Urusan Haji yang berpejabat di Georgetown, Pulau Pinang, menjadi agensi pengurusan haji di bawah Kementerian Luar Negeri sejak penubuhannya pada tahun 1951. Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji yang berada di Kuala Lumpur pula di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, secara berasingan, bagi menumpukan perhatian kepada usaha menarik umat Islam menyimpan dan melaksanakan kegiatan pelaburan serta perniagaan.



Sungguhpun wujud kerjasama, hakikatnya kedua-dua badan ini berada di bawah dua kementerian yang berlainan dan di dua bandar yang berasingan, dan keadaan ini telah menimbulkan masalah penyelarasan.

YAB Tun Abdul Razak telah membentangkan rang undang-undang penggabungan kedua-dua badan ini dalam parlimen. Dewan Rakyat akhirnya meluluskan Rang Undang-Undang Akta 8, Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH) pada 13 Februari 1969.

Penubuhan LUTH telah menyaksikan Pejabat Hal Ehwal Urusan Haji di Pulau Pinang dan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji diletakkan di bawah satu badan pentadbiran yang berfungsi untuk mengurus kebajikan jemaah haji dan menyimpan wang serta menjana pelaburan umat Islam negara ini.

Penubuhan LUTH juga menjadikan badan ini sebagai satu-satunya di dunia yang melaksanakan dua fungsi ini di bawah satu bumbung, kemudiannya berkembang pesat dalam bidang pengurusan haji dan pembangunan ekonomi ummah.

Kempen berterusan dan aktif selepas penubuhan LUTH pada tahun 1969 selari dengan pembukaan pejabat-pejabat ***TH*** di daerah-daerah seluruh negara.



Logo Lembaga Urusan dan Tabung Haji

Sekilas Fakta

Lembaga Urusan dan Tabung Haji diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1969, apabila dua badan tersebut digabungkan.



*Kaunter **TH** berimej korporat dan mesra pelanggan*

KELEBIHAN MENYIMPAN

Kempen kelebihan menyimpan untuk menarik minat umat Islam membuka akaun dan terus menyimpan sejak dahulu adalah:



Simpanan untuk tujuan mengerjakan haji.



Menegakkan syiar Islam.



Zakat dibayar bagi pihak pendeposit.

Simpanan dilabur menepati syariat.

Agihan Keuntungan dikecualikan dari cukai.

Simpanan dijamin oleh kerajaan.

Usaha untuk memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan yang dinamik membawa banyak perubahan dan kemajuan oleh ***TH***. Antara perubahan penting yang melibatkan urusan pendeposit dan operasi ***TH*** adalah:

1. Munculnya pejabat dan kaunter ***TH*** berimej korporat dengan konsep mesra pelanggan.

2. Kolaborasi dengan bank-bank komersial membolehkan pertambahan pusat khidmat, atau *touch point* ***TH*** di seluruh negara.

3. Pengeluaran wang simpanan tanpa had kekerapan.

Sesungguhnya, kemudahan tabungan kewangan umat Islam di ***TH*** telah memudahkan lagi perancangan ke Makkah untuk menunaikan haji.



*Bank-bank komersial yang berkolaborasi dengan **TH***

AKTIVITI PENDAFTARAN HAJI

Pejabat Daerah dan Tanah merupakan institusi awal yang menjadi tempat mendaftar haji umat Islam dengan bantuan Syeikh Haji atau ejen mereka.

Apabila wujud pejabat ***TH*** di daerah-daerah Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, lokasi pejabat daftar telah beralih ke pejabat ***TH***.

Bagi setiap orang yang mendaftar, perlu disediakan dokumen perjalanan, iaitu pasport dan visa haji, rekod pemeriksaan kesihatan dan suntikan serta tiket kapal atau kapal terbang.



Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah



Tiket kapal laut



Sekilas Fakta

Empat buah pejabat Perbadanan Simpanan Wang Bakal-Bakal Haji dibuka pada 1 Ogos 1963 ialah di Alor Setar, Kota Bharu dan Muar, manakala pejabat di Kuala Lumpur beroperasi lebih awal pada 1 April 1963. Pejabat berkenaan beroperasi untuk memberi kemudahan kepada umat Islam di utara, pantai timur, tengah dan selatan semenanjung menyimpan wang di perbadanan. Pembukaan pejabat di Kota Kinabalu dan Kuching pula adalah pada 1 Jun 1970.

Pas Haji atau *Pilgrim Pass for Mecca* digunakan sejak 1920-an dan ia bertukar kepada Pasport Haji merah berkulit keras. Selepas itu, Pasport Haji berwarna hijau digunakan sebagai dokumen perjalanan jemaah haji. Mulai 2009, Pasport Malaysia Antarabangsa pula digunakan oleh jemaah haji Malaysia bagi memenuhi peraturan pihak berkuasa Arab Sadi.



Pilgrim Pass for Mecca, Pasport merah kulit keras, Pasport hijau, dan Pasport Malaysia Antarabangsa



Arab Saudi telah menguatkuasakan kuota haji bagi rakyat negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (*Organisation of Islamic Cooperation*-(OIC)) sebanyak 0.1% dari jumlah penduduk berdasarkan persetujuan dalam mesyuarat pertubuhan itu pada tahun 1988 di Amman, Jordan.

Penguatkuasaan sistem kuota ini adalah untuk memastikan kebajikan jemaah haji yang hadir di Tanah Suci diuruskan dengan lebih baik melalui kawalan jumlah kehadiran mereka setiap tahun.

TH memperkenalkan Sistem Pendaftaran Haji Terbuka mulai tahun 1994. Melalui sistem ini, umat Islam boleh mendaftar haji sepanjang tahun.

Sebagai negara anggota OIC, akhirnya Malaysia turut mematuhi kuota yang dikenakan dan mula melaksanakan dasar 'siapa daftar dahulu' dalam sistem pemilihan menunaikan haji.

Persidangan OIC 1988 di Amman, Jordan


PEMBERITAHU



ERA EVOLUSI DAN PEMODENAN PENGURUSAN HAJI

Sejarah pengurusan haji telah melalui pelbagai perkembangan berikutan perubahan yang berlaku semenjak berabad lamanya. Kedinamikan perkembangannya akan terus berlaku disebabkan oleh:

01 **Peningkatan jumlah jemaah haji.**

02 **Perubahan undang-undang dan peraturan.**

03 **Perubahan sistem pengurusan dan perkhidmatan.**

04 **Kemajuan teknologi.**

05 **Perubahan kehendak dan keperluan jemaah haji.**



SEJARAH PERKHIDMATAN KESIHATAN KEPADA JEMAAH HAJI

Sejarah perkhidmatan kesihatan kepada jemaah haji di Tanah Suci sangat lama. Bantuan khidmat kesihatan sentiasa diperlukan kerana jemaah haji juga terdedah kepada jangkitan penyakit dan keadaan kesihatan yang memerlukan rawatan.

Pilgrim Ship Rules, 1930 yang diwujudkan oleh Inggeris di Negeri-Negeri Selat dan Tanah Melayu telah mewajibkan pengambilan vaksin oleh bakal haji berikutan wujudnya wabak kolera, cacar dan bubun.



Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

Sekilas Fakta

Dr. Aiza Maslan@Baharudin dalam artikel *Hajj and the Malaysian Experience, 1860s-1941* (2014), menyebut bahawa wabak kolera, cacar dan bubun pernah tercetus di Hijaz pada abad ke-19 dan 20; wabak ini melibatkan jumlah kematian yang tinggi dalam kalangan jemaah haji. Penyebaran wabak ini telah mencetus perbincangan dan menwujudkan tindakan kawalan pada peringkat antarabangsa.



Pilgrim Ship Rules, 1930
Arkib Negara Malaysia: No. Penerimaan 1957/0060680g0003

MISBAHA dalam bukunya, *Haji di Semenanjung Malaysia. Sejarah Perkembangannya Sejak Tahun 1300 - 1406H (1896 - 1985M)* (1986), telah menulis mengenai jemaah haji dari Tanah Melayu yang pernah mendapat perkhidmatan kesihatan dari doktor India beragama Islam ketika di Tanah Suci pada tahun 1921.

Jemaah haji dari Tanah Melayu turut mendapat perkhidmatan kesihatan dari pasukan perubatan Indonesia sebelum 1947, seperti catatan Profesor Dr. Faridah Abdul Rashid dalam artikel *Development of Malaysian Hajj 1900-2019: Details of the Hajj Pilgrimages and Hajj Doctors* dan *The Malayan Hajj Doctors.*

Pada tahun 1947, Dr. Shaik Mohamad Baboo bin Ahmad Albakish (Dr. S.M. Baboo), seorang doktor kerajaan di Pulau Pinang, telah pertama kalinya, membentuk pasukan perubatan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan di Tanah Suci. Selepas itu, jemaah haji Tanah Melayu mempunyai perkhidmatan kesihatan sendiri semasa musim haji sehingga kini.

Pegawai Perubatan yang pernah berkhidmat kepada jemaah haji di Tanah Suci pada peringkat awal, antara tahun 1947 sehingga 1968, adalah seperti berikut:



Dr. Shaik Mohamad Baboo bin Ahmad Albakish (1947 & 1948) Seorang doktor kerajaan di Pulau Pinang yang telah membentuk pasukan perubatan pertama di Tanah Suci



Dr. Megat Khas bin Megat Omar (1949 & 1956)



Dr. Abbas bin Haji Alias (1950-an - 1960-an)



Dr. Abdul Ghani bin Mohammad (1950 & 1955)



Dr. Pandak Ahmad bin Alang Sidin (1952 - 1954)



Dr. Hussain bin Abdul Ghany (1960)



Dr. Che Lah bin Mohd Joonos (1962 - 1968)



Sumber : Portal Profesor Dr. Faridah Abdul Rashid



Dr. Inayat Hussain Amir Mohammad (1964 - 1968)



Dr. Omar bin Din (1965)



Dr. Abdul Majid bin Ismail (1968)



Dr. Abdullah bin Ahmad (1968)



Sumber : Profesor Dr. Faridah Abdul Rashid



Sumber : Profesor Dr. Faridah Abdul Rashid

Perkhidmatan kesihatan di Tanah Suci







YBhg Dato' Dr. Azmi bin Ahmad, Pengurus Besar Bahagian Kesihatan, 1982

YBhg Datuk Dr. Narimah binti Awin (kiri) dan YBhg Datuk Fathilah binti Abdul Wahab (kanan), ialah pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia yang pernah bertugas dalam pasukan perubatan di Tanah Suci

Hajjah Zainab binti Isa dari Pasir Tumbuh, Kelantan, jururawat yang pernah bertugas di Tanah Suci pada tahun 1970 dan 1981

Isu kesihatan jemaah haji sentiasa diketengahkan apabila hal kebajikan mereka dibawa ke pengetahuan kerajaan sebelum dan selepas kemerdekaan.

Bahagian Kesihatan, akhirnya telah diwujudkan di ***TH*** pada tahun 1982, diketuai oleh seorang doktor berpengalaman dan berjawatan Pengurus Besar, iaitu YBhg Dato' Dr. Haji Azmi bin Ahmad.

Tugas bahagian ini adalah menyelaras tanggungjawab memberikan perkhidmatan perubatan kepada jemaah haji di Tanah Suci.

Sekilas Fakta

Jawatan lain yang diwujudkan di Bahagian Kesihatan pada tahun 1982 ialah Pembantu Farmasi dan Ketua Jururawat yang dilantik secara pinjaman dari Kementerian Kesihatan Malaysia.



Rawatan pesakit semasa Masya'ir



Klinik Malaysia di Arafah



Ambulans sentiasa bersiap sedia



*Hospital **TH** di Aziziah, Makkah*



Klinik sementara di Arafah



Perkhidmatan kesihatan kepada jemaah haji terus ditambah baik melalui pelbagai pendekatan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kini jemaah haji lebih mudah mendapatkan rawatan kerana setiap bangunan penginapan jemaah disediakan klinik dengan kemudahan tempat menunggu, bilik pemeriksaan, bilik rawatan dan rehabilitasi.









*Perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh **TH** dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia telah berkembang dari masa ke semasa dengan pelbagai kemudahan ditambah baik*











Sumber : National Archives of Singapore

SEJARAH PELEPASAN JEMAAH HAJI KE TANAH SUCI

Urusan keberangkatan jemaah haji ke Tanah Suci merupakan acara tahunan umat Islam negara ini menjelang musim haji. Pelabuhan telah menjadi stesen pelepasan era kapal laut sejak sekian lama. Pelabuhan Pulau Pinang, Singapura dan Klang menjadi destinasi persinggahan kapal untuk membawa jemaah haji ke Jeddah.

Sekali lagi pelabuhan menjadi tumpuan apabila kapal haji tiba dari Jeddah membawa pulang jemaah haji.

Pertemuan penuh emosi tercetus apabila jemaah haji kembali bertemu keluarga dan sahabat setelah sekian lama ditinggalkan.

Sejak era kapal laut lagi, penglibatan agensi dan pertubuhan lain dalam operasi haji tanah air ini penting untuk memastikan semua peringkat berjalan dengan baik, seperti polis, pejabat kesihatan, pasukan sukarela dan pertubuhan berunifom seperti St. John Ambulance.

Aktiviti keberangkatan kapal haji di Lebuh Acheh, Pulau Pinang, pelabuhan Klang dan Singapura yang terakhir adalah pada tahun 1976 apabila tiada lagi perkhidmatan kapal laut digunakan untuk membawa jemaah haji selepas tahun tersebut.





Penglibatan agensi luar dalam operasi haji termasuk St. John Ambulance



Suasana di pelabuhan semasa keberangkatan bakal haji ke Tanah Suci
Sumber : National Archives of Singapore

Penggunaan kapal terbang telah menjadi pengangkutan sepenuhnya jemaah haji ke Tanah Suci bermula pada tahun 1977.

Lima lapangan terbang di tanah air telah dijadikan stesen keberangkatan dan ketibaan jemaah haji kerana berada di utara, tengah, dan selatan Semenanjung; Sabah dan Sarawak; serta keupayaan landasan untuk mendarat pesawat yang besar.

Aktiviti pelepasan di lapangan terbang bermula dengan penerimaan barangan haji oleh jemaah haji, pemeriksaan keselamatan ke atas bagasi dan badan, penimbangan dan penyerahan bagasi, penerimaan pasport dan pas masuk ke pesawat, kaunter pemeriksaan kastam dan imigresen serta taklimat oleh petugas ***TH*** di dewan berlepas.






Kesesakan yang berlaku di lapangan terbang dan urusan lapor diri bakal haji yang tidak teratur membawa kepada pembinaan Kompleks Haji Kelana Jaya, Selangor oleh ***TH***.

Kompleks ini mula beroperasi pada tahun 1982, dan penggunaan kompleks ini telah membuka lembaran baharu operasi haji tanah air.

Kompleks Haji yang dibina berhampiran dengan lapangan terbang mempunyai kemudahan penginapan, masjid, dewan taklimat, kafetaria dan ruang daftar masuk yang selesa.

Kompleks Haji di negeri-negeri lain turut dibina oleh ***TH***. Kompleks Haji Bayan Lepas mula beroperasi pada tahun 1994, dan Kompleks Haji Kota Kinabalu pula pada tahun 2001.



Kompleks Haji Kelana Jaya mula beroperasi pada tahun 1982



Kompleks Haji Bayan Lepas mula beroperasi pada tahun 1994



Kompleks Haji Kota Kinabalu mula beroperasi pada tahun 2001





Keberangkatan jemaah haji dari stesen-stesen berlepas











Bermula pada tahun 2018, Movenpick Hotel & Convention Centre (MHCC) digunakan sebagai kompleks haji dan stesen berlepas jemaah haji tanah air. MHCC berupaya menyediakan prasarana yang lebih selesa serta serba lengkap dan dijangka dapat memenuhi peningkatan jumlah jemaah haji selama 20 hingga 30 tahun akan datang.

Kompleks baharu ini menggantikan Kompleks Haji di Kelana Jaya yang sudah berusia 36 tahun. Ruang pelepasan yang lebih besar dapat menampung lebih ramai jemaah haji serta mampu menyediakan perkhidmatan untuk dua penerbangan dalam satu masa sekiranya diperlukan.









طريق مكة
Makkah Route

Pemodenan urusan keberangkatan telah menjadikan operasi haji tanah air lebih efisien. Pra-pelepasan ialah inisiatif baharu antara Arab Saudi dan Malaysia yang mula dirintis pelaksanaannya pada tahun 2017 dan diteruskan pada tahun-tahun berikutnya.

Inisiatif *Makkah Route* ialah aktiviti pra-pelepasan penerbangan haji yang membabitkan pemeriksaan pihak imigresen Arab Saudi ke atas dokumen perjalanan dan imbasan jari jemaah haji, yang dilaksanakan di stesen pelepasan tanah air. Oleh itu, tempoh masa urusan semasa ketibaan jemaah haji di Arab Saudi menjadi lebih mudah dan cepat.







Urusan pra-pelepasan Makkah Route di KLIA dan lapangan terbang Arab Saudi






طريق مكة
Makkah Route





AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS) 1975

Kematian berlaku saban tahun dalam kalangan umat Islam yang mengerjakan haji, sama ada di Makkah, Madinah atau Jeddah. Kematian jemaah haji juga berlaku ketika dalam perjalanan pergi atau balik dari Tanah Suci.

Pemergian umat Islam ke Tanah Suci juga merekodkan kelahiran anak dalam kalangan jemaah wanita ketika musim haji, dan *Syahadah Milad*, atau Sijil Lahir diperoleh daripada pihak berkuasa.

Selain tanggungjawab mengurus jenazah dengan sempurna apabila berlaku kematian, Syeikh Haji dan Muassasah juga perlu mendapatkan *Syahadah Wafat*, atau Sijil Kematian, daripada pihak berkuasa untuk diserahkan kepada ahli keluarga yang ikut bersama ke Tanah Suci. *Syahadah Wafat* tersebut merupakan satu-satunya sijil pengesahan kematian jemaah di Tanah Suci sebelum tahun 1975.

Jika kematian jemaah haji berlaku di atas kapal pada masa era kapal laut, dokumen kematian hanya berupa pengesahan kematian oleh kapten kapal atau pegawai perubatan dalam pas atau pasport jemaah haji.







Salinan borang laporan kematian dan pengurusan jenazah di Tanah Suci



Syahadah Wafat dan borang pengesahan kematian oleh Rombongan Perubatan

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 (Akta 152) kemudiannya diwujudkan oleh kerajaan Malaysia. Akta ini membolehkan kelahiran dan kematian yang berlaku di Makkah, Madinah atau Jeddah dalam kalangan rakyat negara ini didaftarkan untuk cabutan sijil kelahiran dan sijil kematian Malaysia oleh waris.

Laporan kelahiran dan kematian disampaikan ke ibu pejabat ***TH*** di tanah air dengan menggunakan kemudahan teleks selepas kematian jemaah haji disahkan. Berita kelahiran dan kematian kemudian disampaikan kepada waris melalui perkhidmatan telegram Jabatan Telekom Malaysia oleh ***TH***.



Telegram Jabatan Telekom Malaysia



Mesin teleks

Sistem laporan kematian

Kini sistem pendaftaran lebih mudah apabila Pendaftar Kelahiran dan Kematian Hijaz melaksanakannya melalui sistem dalam talian, dan laporan kepada waris dapat disampaikan dengan lebih pantas dan sistematik.

Sejak penguatkuasaan peraturan tidak membenarkan wanita mengandung menunaikan haji, tidak ada lagi kes kelahiran bayi di Tanah Suci.



Jenazah jemaah haji yang disembahyangkan di Masjidil Haram

Syahadah Milad (Sijil kelahiran) Arab Saudi milik Puan Zainab Haji Arshad yang dilahirkan di Makkah pada tahun 1947 semasa ibu beliau mengerjakan haji



Keadaan ruang masak jemaah haji



*YBhg Datuk Haji Harun bin Baba, Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, 1997-1998*

SAJIAN JEMAAH HAJI

Memasak sepanjang keberadaan di Makkah dan Madinah adalah rutin harian yang perlu dilalui oleh jemaah haji sejak sekian lama.

Namun pada tahun 1998, di bawah kepimpinan YBhg Datuk Haji Harun bin Baba, Ketua Pegawai Eksekutif ***TH*** ketika itu, dimulakan inisiatif menyediakan perkhidmatan sajian kepada jemaah haji sepanjang berada di Tanah Suci.

Perkhidmatan penyediaan sajian ini didorong oleh hasrat ***TH*** agar jemaah tidak lagi perlu memasak. Sebaliknya jemaah haji boleh menumpukan kepada ibadah sepanjang masa berada di Tanah Suci.

Melalui perkhidmatan sajian juga, ***TH*** dapat mengawal masalah keracunan dan jangkitan penyakit yang berpunca dari makanan kerana makanan yang dibeli dari luar tidak diketahui status kebersihannya.



Penyediaan makanan di dapur syarikat katering



Edaran makanan kepada jemaah haji di bangunan penginapan



Penyediaan ‘makanan sedia dimakan’ (*ready to eat*) merupakan pembaharuan yang dilaksanakan oleh ***TH***. Dengan adanya penyediaan pek ‘makanan sedia dimakan’ ini, operasi sajian makanan untuk jemaah haji menjadi amat mudah terutama semasa Masy’air. Ia hanya perlu dipanaskan selama 10 minit tanpa perlu menyediakan dapur yang lengkap.

Lawatan ke kilang pemprosesan pek makanan ready to eat



SEJARAH BIMBINGAN HAJI

Sebelum wujud institusi haji di Tanah Melayu, tiada badan rasmi yang berperanan membimbing dan mengurus pembelajaran kepada bakal haji.

Bakal haji akan mencari dan belajar sendiri dengan guru-guru agama di kampung berdekatan mereka. Ejen Syeikh Haji turut membantu memberi panduan ibadat haji dan umrah.

Peluang belajar turut didapati beberapa hari ketika menanti tarikh belayar di penempatan berdekatan pelabuhan dalam kelas yang diwujudkan.

Misalnya, Masjid Melayu Lebuh Acheh di Pulau Pinang menjadi tempat mengikuti pengajian haji sebelum berangkat dengan kapal laut melalui Pelabuhan Swettenham.

Semasa pelayaran ke Jeddah, kelas haji turut dijalankan dengan kelolaan Jawatankuasa Kebajikan di atas kapal. Syeikh Haji atau Mutawif juga menjadi tempat mereka mendapatkan panduan ibadat ketika di Tanah Suci.


Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Masjid Melayu Lebuh Acheh, Pulau Pinang



Taklimat/kursus haji di atas kapal
Sumber : National Archives of Singapore





Guru agama yang turut serta dalam pelayaran ke Tanah Suci
Sumber : National Archives of Singapore

Sekilas Fakta

Masjid Melayu (Jamek) Lebuh Acheh, Pulau Pinang dibina pada tahun 1808.

Masjid ini terletak dalam lingkungan Tapak Warisan Dunia bandaraya Geogetown dan adalah warisan sejarah serta seni bina Islam di Pulau Pinang.

Masjid ini diasaskan oleh Tengku Syed Hussain Al-Aidid yang berasal dari Acheh, Indonesia. Tengku Syed Hussain merupakan Putera Acheh Sumatera yang datang ke George Town dengan rombongan Diraja atas jemputan Kapten Francis Light, tidak lama selepas pendudukan British pada tahun 1786.

Perkembangan bimbingan haji umat Islam negara ini kemudiannya bertambah baik apabila wujud badan pengurusan haji tanah air.

Kursus haji secara bersiri mula diadakan pada tahun 1989 dan berkembang sehingga ke setiap negeri. Kursus ini dijalankan selama 13 hingga 16 siri di bawah pengawasan pejabat ***TH*** cawangan.

Modul kursus haji juga mengandungi ceramah berkaitan panduan pengurusan haji dan kesihatan. Slot ini telah diisi oleh anggota ***TH*** dan pegawai perubatan yang berpengalaman.

TH menambah baik kursus haji melalui pembangunan modul dan memperkasa setiap aspek bimbingan kepada bakal haji, selaras dengan cabaran dan era pemodenan teknologi.



Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



*Kursus haji kendalian Tuan Haji Abdul Hai, Pegawai Seranta **TH***

Guru-guru agama berkelayakan adalah penting untuk menjalankan peranan sebagai pengkursus dan pembimbing. Pemilihan mereka selaku Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) dan Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) adalah berdasarkan kelulusan, pengalaman menunaikan haji dan pemilikan tauliah mengajar negeri.

Buku-buku mengenai haji, doa dan panduan juga diterbitkan sebagai sokongan dan rujukan kepada kursus bersemuka yang telah diaturkan.



PEKTA diberikan latihan dengan pelbagai aspek kemahiran penyampaian dan pembelajaran. Mereka menjadi pengkursus yang diberikan tauliah mengajar di kursus haji anjuran ***TH***.

Sebelum keberangkatan ke Tanah Suci, PEKTA memastikan bakal haji diberikan kefahaman berkaitan hukum-hakam haji secara teori dan amali.

Kursus Asas Haji







Modul kursus haji bukan sahaja menekankan berkaitan hukum-hakam tetapi pelbagai aspek lain juga disampaikan kepada bakal-bakal haji. Di antaranya adalah penjagaan kesihatan, kemahiran kendali diri sendiri (kendiri), peradaban sebagai tetamu Allah serta kebersihan diri dan persekitaran.

Kursus Intensif Haji







Kursus Perdana Haji ialah persiapan terakhir bakal-bakal haji sebelum ke Tanah Suci







DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor merasmikan Kursus Perdana Haji yang diadakan di Shah Alam







Manakala ketika di Tanah Suci, ***TH*** menyediakan PIHTAS di semua bangunan penginapan sebagai rujukan jemaah haji bagi memastikan ibadat yang dilakukan adalah betul dan sempurna.

Forum Perdana











Perkhidmatan Talian Ibadat Tanah Suci (TAIB)







Antara perkhidmatan PIHTAS di Madinah adalah mengatur program ziarah termasuk Raudhah, Masjid Nabawi perkuburan Baqi' dan tempat-tempat bersejarah

Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) diwujudkan atas kesedaran perlu adanya usaha penyelarasan hukum-hakam ibadat haji dan umrah dalam kalangan pengkursus dan pembimbing haji.

MHPK yang diadakan setiap tahun sejak 1984 menjadi program yang dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (AJPIH), pengkursus haji seluruh negara serta pengurusan kanan ***TH*** bagi membincangkan isu berbangkit mengenai ibadat haji dan umrah.

Resolusi MHPK merupakan keputusan yang dihasilkan selepas program untuk menjadi rujukan para pengkursus dan pembimbing haji. Sesungguhnya MHPK ini telah membantu menyelaras penyampaian hukum-hakam haji dan umrah semasa kursus di seluruh negara.





Duduk dari kanan: Hajah Hasnah Salleh, YBhg Dato' Tajuddin Abd Rahman, YBhg Dato' Ibrahim Ujang, YBhg Tan Sri Syeikh Abdul Majid Mohd Noor, YBhg Dato' Abdul Rahman Muhamad dan YBhg Dato' Haron Din
Berdiri dari kanan : Haji Abu Hassan, Haji Hanafi Zainuddin, Haji Mortaza Daud, YBhg Tan Sri Dato' Sheikh Ghazali Abdul Rahman dan YBhg Tan Sri Abdul Kadir Talib



Sekilas Fakta

Keanggotaan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji ***TH***-JAKIM ditubuhkan pada tahun 1983. Jawatankuasa yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Bersama (***TH***-Pusat Islam), terdiri daripada lapan orang tokoh dalam kalangan alim ulama dan ahli akademik yang mempunyai kemahiran serta kepakaran dalam pelbagai disiplin dan ilmu Islam.

Pengurus Besar Bimbingan Haji bertindak sebagai setiausaha jawatankuasa ini.

Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji ***TH***/JAKIM bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

- Memutuskan kedudukan hukum-hakam berkaitan isu-isu ibadat haji yang dirujuk.
- Memberi cadangan kepada Pengurusan ***TH*** berkaitan isu-isu pelaksanaan ibadat haji.
- Mengesahkan semakan ke atas bahan penerbitan ibadat haji yang dikeluarkan oleh ***TH***.
- Bertugas sebagai Pakar Rujuk Ibadat Haji dalam Rombongan Jemaah Haji Malaysia ke Tanah Suci.

Antara tokoh ilmuan yang pernah menjadi Pengerusi Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji ***TH***-JAKIM ialah:



YBhg Dato' Haji Mohd Salleh Haji Awang
1985 - 1992



YBhg Tan Sri Syeikh Abdul Majid Mohd Noor
1992 - 2005



YBhg Dato' Sri Haji Hassan Haji Ahmad
2005 - 2018



YBhg Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri
2018 - 2019




YBhg Datuk Wan Mohammad Syeikh Abdul Aziz
2019



YBhg Profesor Madya Dr. Hajah Anisah Ab. Ghani
2019 - kini



Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-33



Teknologi menggunakan kad tebuk UNIVAC

ERA PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Penglibatan ***TH*** dalam teknologi maklumat bermula pada tahun 1974 apabila urusan kerja di Bahagian Kewangan, kecuali urusan pengeluaran wang, dikendalikan oleh perkhidmatan komputer dari luar.

Melalui usaha sama dengan Pernas Trading Sdn Bhd, ***TH*** menubuhkan anak syarikat Pernas / Tabung Haji Computer Bureau Sdn Bhd pada tahun 1977.

Akhirnya pada tahun 1982, Bahagian Khidmat Komputer ***TH*** diwujudkan untuk meningkatkan keupayaan mengendalikan segala urusan termasuk perkhidmatan haji.

Sejarah bermula dengan teknologi kad tebuk menggunakan mesin UNIVAC ketika fasa pertama sehinggalah memasuki era digitalisasi dengan pencapaian teknologi maklumat yang lebih terkini.

Pencapaian yang tinggi dalam bidang teknologi maklumat di ***TH*** telah membawa kemajuan dalam pengurusan data kewangan dan haji di ***TH***.









Penggunaan sistem komputer di tanah air dan Tanah Suci

INISIATIF DIGITALISASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN HAJI

THhujjaj

Tawaran dan Terimaan Tunai Haji
Bakal Haji mendapat tawaran dan memberi jawapan untuk Tunai Haji secara dalam talian.

Rayuan Tunai Haji
Pendeposit membuat permohonan rayuan Tunai Haji secara dalam talian.

Dam dan Korban
Bakal Haji membayar Dam dan Korban melalui debit akaun simpanan ***TH*** secara dalam talian.


Info Penting dan Panduan Ibadat
Bakal haji mendapat maklumat pengurusan haji, info penting dan panduan ibadat semasa di Tanah Air dan Tanah Suci.

Talian Ibadat Haji (e TAIB)
Jemaah haji mengadakan perbualan langsung *(live chat)* dengan Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) di Talian Ibadat Haji (e TAIB) melalui teknologi pesanan *(e-messaging)* semasa di Tanah Suci.


Operasi Haji
Petugas menggunakan Aplikasi Mobiliti Haji semasa operasi haji di Tanah Suci:

- Dashboard pengurusan di Pusat Maklumat Operasi
- Dashboard Maktab dan Zon
- Laporan pergerakan
- Maklumat jemaah haji
- Kiraan jemaah haji
- Carian lokasi penting





*Pendeposit dan jemaah haji berurusan dengan **TH** melalui Aplikasi THiJARI dan THiJARI Biz*









SEJARAH PERKHIDMATAN JEMAAH HAJI DI MAKTAB

Berikutan penguatkuasaan Sistem Muassasah pada tahun 1984, jemaah haji Malaysia dibahagikan kepada nombor-nombor maktab Muassasah Tawafah Asia Tenggara yang telah ditentukan.

Berdasarkan rekod terdahulu, jumlah penempatan jemaah haji di setiap maktab adalah antara 2,000 hingga 3,000 orang.

Setiap maktab mempunyai pasukan kerja Muassasah yang diketuai Ketua, atau Rais Maktab, yang bertanggungjawab ke atas kebajikan dan kemudahan jemaah haji maktab berkenaan.

Ketua petugas ***TH*** di maktab ialah Pengurus Maktab, yang dibantu oleh beberapa petugas lain, termasuk PIHTAS. Petugas-petugas ini merupakan pasukan barisan hadapan yang menyantuni jemaah haji bersama Ketua Maktab Muassasah.

Daripada hanya menempatkan lima orang petugas pada tahun 1985, kini jumlah petugas maktab ialah lapan hingga sepuluh orang, tidak termasuk petugas perubatan yang mengendalikan rawatan pesakit luar di klinik maktab, diketuai oleh Pegawai Perubatan.

Pusat Perkhidmatan Maktab dan klinik di bangunan penginapan jemaah haji





Peninggalan bangunan penginapan lama, Makkah

Sejarah pengurusan maktab menyaksikan lokasi bangunan jemaah haji berada di kawasan utama Makkah seperti Shi'b 'Amir, Misfalah, Ajyad, Suq Al Layl, Syubaikah dan lain-lain.


Kebanyakan penempatan jemaah haji era 1980-an dan 1990-an adalah di bangunan bermuatan kecil hingga menyebabkan jumlah bangunan penginapan yang sangat banyak untuk diurus. Pada masa itu juga, masih banyak terdapat bangunan yang berdekatan dengan Masjidil Haram.

Mulai 1985, ***TH*** melaksanakan sistem simbol yang akan membezakan maktab dan bangunan bagi setiap jemaah haji. Nama maktab dikenali dengan pelbagai kategori simbol seperti kenderaan, buah-buahan, alat tulis, peralatan dapur dan lain-lain.

Sistem simbol membantu petugas mengesan lokasi penginapan jemaah haji yang tersasar di Makkah. Sistem simbol ini telah digunakan sekian lama semasa operasi haji di Tanah Suci.

Namun sistem ini tidak lagi dilaksanakan kerana jumlah bangunan penginapan jemaah haji tidak lagi banyak seperti sebelum ini. Bangunannya pula mudah dikenali dengan nama dan lokasi sebenar di Makkah.









Penggunaan pelekat penginapan jemaah haji

Pengurusan maktab terus ditambah baik apabila sistem alokasi penginapan jemaah haji diwujudkan sepenuhnya pada tahun 1987 bagi menggantikan proses manual yang tidak lancar.

Proses sambutan ketibaan menjadi lebih cepat dan sistematik kerana nombor bilik penginapan telah diketahui sejak awal, dan pengasingan jemaah lelaki dan wanita dikendalikan oleh sistem komputer.



Ketibaan bas jemaah haji di bangunan penginapan Makkah



Sambutan ketibaan jemaah haji










Apabila berlaku perobohan bangunan untuk projek pembesaran Masjidil Haram oleh kerajaan Arab Saudi mulai 2004, lokasi bangunan lama berdekatan masjid sudah tidak lagi wujud.

TH kemudiannya mula menyewa bangunan besar yang boleh memuatkan lebih ramai jemaah haji. Pengurusan maktab telah menjadi semakin mudah dan teratur.









Kaunter Perkhidmatan Pelanggan



ERA DIGITALISASI PENGURUSAN MAKTAB

Maktab ***TH*** telah memasuki era digitalisasi dalam pengurusan jemaah haji. Lanjutan dari sistem maklumat operasi haji yang dibangunkan, pelaksanaan projek *Hajj Mobility* telah memudahkan lagi pengurusan maklumat semasa operasi haji.

Maklumat jemaah haji mudah diakses untuk keperluan operasi haji melalui aplikasi di telefon bimbit petugas. Petugas boleh terus merujuk butiran jemaah haji di mana-mana dan pada bila-bila masa.

Laporan keberangkatan setiap sektor perjalanan bas ketika operasi Masya'ir dilaksanakan melalui telefon bimbit di lokasi-lokasi penting dengan mudah dan pantas.

Pengesahan keberadaan jemaah haji di bilik penginapan lebih cepat apabila terdapatnya kemudahan aplikasi kiraan jemaah haji atau *head count*.

Semua laporan operasi maktab yang dikendalikan secara digital di lokasi dipaparkan di Pusat Maklumat Operasi. Malah petugas mendapat maklumat semua aktiviti dan pergerakan jemaah haji secara *real time* melalui papan pemuka atau *dashboard* maktab yang dibangunkan.





KERJA SUKARELA SAHABAT MAKTAB

Semangat untuk terlibat dalam kerja-kerja sukarela dalam kalangan jemaah haji telah wujud sejak tahun 2004. Bermula dengan sekumpulan kecil jemaah yang membantu maktab memberi maklum balas kualiti dan edaran sajian, kini kumpulan sukarela ini telah diperluaskan peranan mereka.

Oleh kerana sumbangan mereka telah membantu operasi haji maktab, kumpulan ini telah dikenali secara rasminya sebagai Sahabat Maktab. Buku *Panduan Kerja Sukarela Sahabat Maktab* yang dibangunkan oleh ***TH*** menjadi rujukan ketika membantu rakan jemaah haji yang lain dengan sokongan dan pengawasan pengurusan maktab ***TH***.

Buku Panduan Kerja Sukarela Sahabat Maktab yang dibangunkan hasil bengkel yang diadakan di tanah air bersama sekumpulan Sahabat Maktab pada tahun 2016.



Jemaah haji menerima jaket untuk bertugas sebagai Sahabat Maktab



Hampir seramai 35 orang jemaah haji dilantik oleh setiap Maktab sebagai Sahabat Maktab pada setiap musim haji. Mereka ini dibahagikan kepada Sahabat Medik, Sahabat Ibadat dan Sahabat Hujjaj mengikut kebolehan dan latar belakang masing-masing.

Majlis meraikan Sahabat Maktab setiap musim haji merupakan pengiktirafan ***TH*** terhadap semangat kesukarelawanan mereka.

Majlis Penghargaan Sahabat Maktab








TABUNG HAJI
"Bersama Santuni Dhuyufurrahman"



SEJARAH PENGENDALIAN PENGELOLA JEMAAH HAJI (PJH)

Pada tahun 1981, buat pertama kali ***TH*** menawarkan jemaah haji untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik di Tanah Suci dengan bayaran tambahan.

Dengan nama Perkhidmatan Sewa Khas, jemaah haji mendapat bilik yang lebih selesa dan berhawa dingin serta katil dua tingkat dengan muatan 6 hingga 12 orang sebilik di bangunan yang disewa oleh ***TH***.

Pada tahun 1985, ***TH*** telah melaksanakan kerjasama dengan sebuah syarikat di Arab Saudi bagi menawarkan perkhidmatan menyeluruh kepada jemaah haji. Perkhidmatan yang ditawarkan ialah makan secara bufet, kenderaan khas, katil dan bilik yang berhawa dingin.

Tahun ini juga adalah tahun permulaan tawaran secara pakej kepada jemaah haji yang mampu membayar lebih untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik seperti Pakej Aziz Khogeer dan Pakej Hotel Makkah.

Pada tahun-tahun berikutnya wujud lagi beberapa pengendali pakej yang menawarkan perkhidmatan seperti Pakej Zaini Ariff Zainal dan Pakej Ahmad Lampong, di bawah pengurusan ***TH***.

Pengurusan pakej haji kemudian dipindahkan ke anak syarikat ***TH,*** iaitu, Perbadanan Pengangkutan dan Perusahaan Tabung Haji (PPPTH), kini Tabung Haji Travel and Services Sdn. Bhd. (THTS).






AQIQ
HOTEL AL SHOHADA
SAJA AL MADINAH


FIRDAUS


RUBY
HOTEL SWISSOTEL AL MAQAM
HOTEL ANWAR MADINAH MOVENPICK


NILAM
HOTEL HAJAR MOVENPICK
HOTEL ANWAR MADINAH MOVENPICK


ZAMRUD



ALMAAS

Sistem Amir dilaksanakan dengan memberi pengiktirafan kepada ketua kumpulan yang memimpin sekumpulan jemaah haji.

Kumpulan Perumahan Khas (KPK) kemudiannya menggantikan Sistem Amir, yang membenarkan ketua jemaah haji menempatkan kumpulan mereka dalam satu penerbangan dan bangunan yang sama di Tanah Suci.

Pada masa yang sama, ***TH*** mula mengambil langkah membenarkan syarikat swasta membawa jemaah haji, apabila sebuah syarikat pelancongan membawa jemaah haji pada tahun 1987.

Tahun-tahun berikutnya menyaksikan jumlah syarikat pelancongan yang memohon mengendalikan jemaah haji semakin bertambah.







Jemaah haji yang dikendalikan oleh PJH





Akta 535 Tabung Haji, 1995 telah memperuntukkan perihal lantikan secara pemberian lesen Pengelola Jemaah Haji (PJH), syarat dan terma perkhidmatan serta penalti jika melanggar akta tersebut.

Kini pemantauan dan penilaian ke atas syarikat-syarikat swasta yang diberi lesen setiap tahun dilaksanakan oleh ***TH*** dengan lebih baik untuk memastikan jemaah haji mendapat perkhidmatan seperti yang dijanjikan dengan bayaran yang ditawarkan.







MASYA'IR DAHULU DAN KINI

Sebelum tahun 1984, perkhidmatan pengangkutan, khemah dan makan minum jemaah haji di Arafah, Muzdalifah dan Mina diuruskan oleh Syeikh Haji. Bas tanpa kemudahan hawa dingin, kesesakan jalan raya yang menjadikan perjalanan sangat lama serta jemaah haji berada di atas bumbung bas adalah keadaan yang biasa dan lumrah pada ketika itu.

Khemah kecil yang mempunyai tiang di tengah menjadi penempatan jemaah haji ketika berwuquf di Arafah dan bermalam di Mina.

Makanan yang disediakan oleh Syeikh Haji ialah makanan yang dimasak dengan menggunakan kayu api di Arafah dan Mina.

Arafah dahulu menyaksikan tanah lapang yang hampir tiada pokok. Kerajaan Arab Saudi mula menanam pokok pada awal tahun 1980-an. Anak-anak pokok yang sedang membesar dan merimbun mulai dilihat di merata tempat di Arafah.

Sumber air adalah dari paip air yang terdapat di sekitar perkhemahan Arafah. Syeikh Haji perlu menyediakan tandas-tandas sementara dan takungan air di kawasan perkhemahan untuk memenuhi keperluan jemaah haji di Arafah.





Khemah lama di Arafah
Sumber : Dr Faridah Abdul Rashid




نهاية عرفات
ARAFAT ENDS HERE







Suasana wuquf di Arafah

Cabaran kepada jemaah haji ketika Masya'ir ialah kesesakan jalan raya yang menyebabkan mereka berada di atas kenderaan dalam tempoh yang sangat lama untuk sampai ke destinasi. Kerajaan Arab Saudi telah melaksanakan sistem pengangkutan ulang-alik atau Taraddudiyah, bagi menangani masalah kesesakan teruk semasa operasi Masya'ir. Sistem ini melibatkan laluan khas bas yang disediakan untuk membawa jemaah haji bagi sektor penting, iaitu Makkah – Arafah, Arafah – Muzdalifah, Muzdalifah – Mina, dan Mina – Makkah.

Pelaksanaannya dimulakan ke atas jemaah haji negara Turkiye, dan kemudiannya diperluas kepada jemaah haji Asia Tenggara, termasuk Malaysia pada tahun 2003.

Sistem Taraddudiyah telah membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas semasa tempoh kemuncak tersebut.



Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Jemaah haji menaiki bas semasa Masya'ir
Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



Kini bas moden berhawa dingin digunakan untuk mengangkut jemaah haji semasa Masya'ir



Bangunan Dar Mazin Ba Sharaahil (White House) dijadikan Bilik Gerakan Operasi Haji pada hari-hari Tasyrik

Pada masa dahulu, penempatan jemaah haji di Mina adalah sekitar kawasan Jamarat. Jemaah haji ditempatkan oleh Syeikh-Syeikh Haji di bangunan atau khemah berhampiran.

Pada hujung tahun 1980-an, kerajaan Arab Saudi telah membuka banyak kawasan baru sebagai kawasan penempatan jemaah haji, termasuk Muaissim dan Muhaisir. Muaissim telah menjadi kawasan perkhemahan kebanyakan jemaah haji Malaysia sehingga kini.

Sebuah terowong dua hala juga dibina untuk memendekkan laluan ke Jamarat. Khemah-khemah kalis api yang dilengkapi penyejuk udara telah didirikan di kawasan penempatan baru.





Perkhidmatan keretapi diperkenalkan bermula tahun 2010

Terowong tambahan untuk laluan sehala telah dibina berikutan terjadinya tragedi terowong Muaissim yang mengorbankan ribuan jemaah haji pada tahun 1990.

Bermula 2010, perkhidmatan keretapi diperkenalkan bagi memudahkan pergerakan jemaah haji dari beberapa negara yang melibatkan sektor Mina - Arafah - Muzdalifah - Mina.



Kedudukan asal Terowong Muaissim dua hala

Jemaah haji menggunakan Terowong Muaissim sehala untuk ke Kompleks Jamarat dan kembali ke perkhemahan

Asal kedudukan Jamrah Sughra, Jamrah Wusta dan Jamrah Kubra adalah di lokasi satu paras yang menjadi tumpuan ribuan jemaah haji untuk melaksanakan lontaran pada satu masa.

Keadaan amatlah sesak terutama pada 10 hingga 12 Zulhijjah. Kesesakan berlaku berikutan jumlah jemaah haji yang datang untuk mengerjakan haji sentiasa meningkat.

Kerajaan Arab Saudi ketika di bawah pemerintahan Raja Fahd Abd Aziz mula membina kompleks Jamarat setinggi lima tingkat dan telah siap pada tahun 2006.

Kompleks ini mempunyai laluan masuk dan keluar dari pelbagai arah, termasuk dari arah Muaissim di tingkat tiga. Laluan ini menjadi laluan mudah bagi jemaah haji Malaysia menuju Jamarat dan kembali ke perkhemahan di Muaissim.

Kedudukan asal Jamrah.





JEJAMBAT LIMA TINGKAT DIBINA ATASI KESESAKAN DI JUMRAH







Kompleks Jamarat yang moden







TRAGEDI YANG MELIBATKAN JEMAAH HAJI MALAYSIA

Sejarah telah mencatatkan beberapa tragedi yang melibatkan kematian atau kecederaan jemaah haji Malaysia semasa musim haji dan kejadian yang telah memberikan kesan terhadap kelancaran operasi haji ***TH*** di Tanah Suci.

Pada pagi 20 November 1979, tercetus peristiwa sekumpulan pemberontak rakyat tempatan menawan Masjidil Haram. Peristiwa ini mengejutkan jemaah haji yang baru selesai mengerjakan solat Subuh.

Seperti yang dilaporkan, berlaku tembak-menembak antara pemberontak yang diketuai oleh Juhaiman bin Muhammad Saif al Utaiby dengan pihak keselamatan Arab Saudi. Peristiwa ini berpanjangan selama beberapa hari.

Jemaah haji di dalam masjid telah berpusu-pusu mencari jalan keluar untuk menyelamatkan diri. Sebahagian jemaah haji pula telah dijadikan tebusan.

Peristiwa tersebut telah menyebabkan urusan penghantaran balik jemaah haji Malaysia ke Jeddah terganggu. Operasi untuk segera membawa keluar jemaah haji Malaysia ke Jeddah telah dilakukan, tanpa mengikut kumpulan jemaah haji yang asal.

Masih terdapat 6,100 jemaah haji Malaysia di Makkah berada dalam keadaan tidak mengetahui situasi sebenar yang berlaku selepas perintah berkurung diisytihar ke atas kota suci.

Dengan bantuan Syeikh-Syeikh Haji, jemaah telah dikumpulkan pada 21 hingga 25 November 1979 untuk segera dibawa ke Madinatul Hujjaj di Jeddah dengan menggunakan kenderaan ***TH*** yang disewa, sebelum menggunakan bas jemaah haji yang disediakan oleh kerajaan.

Keadaan di Madinatul Hujjaj, Jeddah begitu sesak ketika usaha menerbangkan mereka dilakukan, sementara di Masjidil Haram keadaan masih tidak menentu.

Dengan bantuan pelbagai pihak di Arab Saudi dan kerajaan Malaysia, jemaah haji berjaya dibawa pulang ke tanah air dengan selamatnya melalui penerbangan tambahan.

Akhirnya Masjidil Haram ditawan kembali oleh tentera kerajaan pada 4 Disember 1979. Baki 1,353 jemaah haji telah dibawa ke Madinah untuk berziarah apabila keadaan kembali tenang.



Pemberontakan Juhaiman bin Muhammad Saif al Utaiby



Free advice

arab news

BULK & BAG CEMENT

King to pray in Mecca

Mosque renegades smashed; 135 killed

INDIAN EXPRESS

Gunmen seize Kaaba, hold 150 hostage

Saudi troops poised for assault

Indian pilgrims 'safe'


Carter threatens to use force

Pada 2 Julai 1990 bersamaan 10 Zulhijjah 141H, berlaku tragedi terowong Muaissim yang telah mengorbankan 1,426 jemaah haji, termasuk 152 orang jemaah haji Malaysia.

Keadaan menjadi cemas apabila di dalam terowong berlaku himpitan manusia yang sangat padat sehingga mengorbankan nyawa insan-insan yang masih dalam keadaan berihram. Kejadian ini amat tragis dan menyayat hati, terutama bagi mereka yang terselamat selepas mengalami saat cemas ini.



Grafik terowong semasa kejadian dan keratan akhbar Malaysia



Kertas Khas Nahas Terowong Muaissim



Pada tahun 1991, ***TH*** memulakan pemakaian gelang sebagai pengenalan diri penting kepada jemaah haji.

Kerajaan telah mengeluarkan laporan *Kertas Khas Nahas Terowong Muassim* mengenai tragedi terowong yang telah mengakibatkan kematian dan kecederaan jemaah haji pada tahun tersebut.



Penghargaan khas daripada kerajaan Malaysia di atas kejayaan Rombongan Kebajikan dan Perubatan dalam menghadapi kecemasan Tragedi Terowong Muaissim

Pada 11 September 2015, sekali lagi berlaku tragedi di Makkah. Tragedi ini turut melibatkan kematian dan kecederaan jemaah haji dari seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Kali ini, sebuah kren besar yang digunakan untuk kerja-kerja pembesaran Masjidil Haram, telah tumbang ketika hujan lebat dan ribut pasir pada jam 5 petang. Tragedi ini telah mengorbankan 107 dan mencederakan 238 orang jemaah. Jumlah kematian jemaah haji Malaysia ialah tujuh orang dan tiga yang lain cedera.



Tragedi kren tumbang



Keratan akhbar

















Sebaik tercetus tragedi kren tumbang di Masjidil Haram, usaha pengecaman mangsa dan kiraan Jemaah Haji (*head count*) di setiap bilik penginapan dilakukan dengan segera oleh ***TH***. Jemaah Haji yang disahkan meninggal dunia telah diuruskan jenazah mereka, sementara yang cedera diziarahi oleh pihak pengurusan ***TH*** di Hospital Arab Saudi.













Pada musim haji yang sama, iaitu tanggal 24 September 2015 bersamaan 10 Zulhijjah 1436H, berlaku tragedi rempuhan Mina yang mengorbankan lebih 2,000 jemaah haji kebanyakkan daripada Iran, Afrika dan Indonesia termasuk seorang jemaah haji Malaysia.

Tanah Suci menghimpunkan jutaan umat Islam untuk mengerjakan haji. Berdasarkan sejarah kejadian dan tragedi yang berlaku, ***TH*** telah memberi perhatian terhadap aspek keselamatan jemaah haji.

Operasi haji di Tanah Suci sentiasa mempunyai risiko berhadapan dengan kejadian seperti kemalangan, bencana alam, wabak penyakit, dan rusuhan. Oleh itu adalah penting mengenal pasti risiko operasi dan melaksanakan kawalan ke atas risiko-risiko tersebut.

Pelan Pengurusan Bencana Operasi Haji Tanah Suci menjadi rujukan jika berlaku kejadian yang tidak diingini kepada jemaah haji seperti bencana alam, kemalangan, kerosakan harta benda, dan kehilangan nyawa.







PETUGAS MENYANTUNI JEMAAH HAJI

Sejarah petugas kebajikan jemaah haji bermula seawal tahun 1924 apabila seorang Pegawai Haji, atau Pesuruhjaya Haji, dan pembantunya dilantik oleh pemerintah Inggeris untuk Tanah Melayu.

Apabila tertubuh Pejabat Pengawal Haji di Pulau Pinang pada tahun 1951, Pesuruhjaya Haji yang ditempatkan di pejabat ini akan bersama pasukan kebajikan lain untuk pergi bertugas di Tanah Suci ketika musim haji.

Jawatan Pengarah Kebajikan adalah merupakan jawatan tertinggi yang bertanggungjawab ke atas urusan haji sejak 1969, apabila dua badan berkaitan haji digabungkan. YBhg Dato' Haji Ali Rouse ialah Pegawai Pengawal Haji di Pejabat Hal Ehwal Urusan Haji di Pulau Pinang sejak 1951 sebelum ditukarkan ke pejabat Lembaga Urususan dan Tabung Haji (LUTH) di Kuala Lumpur. YBhg Dato' Haji Ali Rouse adalah Pengarah Kebajikan yang pertama (1969 – 1971).

Pada tahun 1981, LUTH telah mewujudkan jawatan Timbalan Pengarah Besar Haji, Pentadbiran dan Perhubungan bagi memegang portfolio urusan haji. YBhg Dato' Haji Ahmad bin Yeop Abdul Hamid dinaikkan pangkat ke jawatan tersebut sehingga 1988.

Sekilas Fakta

Senarai nama Pesuruhjaya Haji dan Pengarah Kebajikan seperti terkandung dalam tulisan buku sejarah haji MISBAHA (1986):



Pesuruhjaya Haji Pertama,
Tuan Haji Abdul Majid Zainuddin

Pesuruhjaya Haji:

1. Tuan Haji Abdul Majid bin Zainuddin
2. Tuan Haji Abdul Rahim bin Tahir
3. Tuan/Dato' Haji Ali Rouse
4. Tuan Haji Mokhtar bin Yassin
5. Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Mohd. Tamin
6. Tuan Syed Mohd. Al Haddad
7. Tuan Haji Asnan bin Darwis



Pengarah Kebajikan Haji Pertama,
YBhg Dato' Haji Ali Rouse

Pengarah Kebajikan:

1. Y.Bhg. Dato' Haji Ali Rouse
2. Tuan Haji Wan Adli bin Dato' Wan Ibrahim
3. Tuan Haji Ahmad bin Haji Yeop Abdul Hamid
4. Tuan Haji Mohd. Din bin Haji Mohd. Yusof

Pada ketika era Sistem Syeikh Haji, kawasan penempatan jemaah haji di Makkah dibahagi kepada tiga zon. Di setiap zon terdapat seorang pegawai ***TH*** dan dua pembantu.

Petugas terlebih dahulu membuat pemetaan kedudukan rumah-rumah Syeikh Haji di setiap zon sebagai panduan petugas menjalankan tanggungjawab mereka.

Sekumpulan pegawai dan kakitangan perubatan pula akan dipilih oleh pemerintah untuk bertugas menjaga kesihatan jemaah haji.

Mulai 1984, apabila pengurusan haji di Arab Saudi beralih ke Sistem Muassasah, bidang tugas kebajikan jemaah haji telah turut berkembang apabila unit-unit perkhidmatan baharu diwujudkan.



Pesuruhjaya Haji ketujuh, Tuan Haji Asnan bin Darwis



Sumber : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

Pengarah Kebajikan ketiga, YBhg Dato' Haji Ahmad bin Yeop Abdul Hamid





Saban tahun, ***TH*** menghantar rombongan petugas bagi menyelaras jemaah haji di Tanah Suci. Rombongan ini terbahagi kepada dua bidang tugas utama:

1. Rombongan Kebajikan menampilkan anggota ***TH*** daripada pelbagai bahagian, anak syarikat ***TH*** dan agensi luar seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) daripada Jabatan Agama, Jabatan Pendidikan dan pesara ***TH***.
2. Rombangan Perubatan dalam kalangan anggota Kementerian Kesihatan Malaysia yang terdiri daripada pakar-pakar dan pegawai perubatan, Pegawai Pergigian, Ahli Farmasi, Fisioterapi, Pembantu Perubatan, Jururawat dan lain-lain.



Sebahagian daripada Rombongan Perubatan



Sebahagian daripada Rombongan Kebajikan

Kedua-dua rombongan petugas ini diketuai oleh Ketua Rombongan Haji Malaysia. Antara tokoh yang pernah mengetuai Rombongan Haji Malaysia adalah:



YBhg Dato' Ahmad bin Yeop Abdul Hamid
1980-an



Tuan Haji Hashim bin Salleh
1989 - 1996



YBhg Dato' Dr. Haji Azmi bin Haji Ahmad
1997 - 2006



Tuan Haji Mohd Salleh bin Abd Mubin
2007 - 2010



YBhg Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman
2011 - kini



*Wisma **TH** di Jeddah*

Pembukaan Pejabat ***TH*** Kingdom of Saudi Arabia (KSA) dan lantikan anggota di Jeddah sangat penting untuk memberi sokongan kepada pengurusan haji di Tanah Suci, selain mengukuhkan hubungan dua negara terutama keperluan mendapatkan pelbagai kemudahan di Arab Saudi.

Pembukaan pejabat ini pada tahun 1972 telah diketuai oleh Atase Haji dan di bawah Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia, Jeddah. Atase Haji pertama ialah Haji Ahmad bin Yong Abdullah. Nama jawatan ini akhirnya ditukarkan kepada Konsul Haji. Haji Syed Mohamed Abdullah Al-Haddad adalah Konsul Haji pertama yang berkhidmat dari tahun 1987-1995.

Operasi Pejabat ***TH*** KSA kini berpusat di Wisma ***TH***, Jeddah, Arab Saudi. Antara peranan utama Konsul Haji ialah:



Hubungan dan Koordinasi Diplomatik yang Aktif dengan Pihak Berkepentingan Utama



Pengurusan Prasarana Operasi Haji Tanah Suci



Pengurusan Sistem e-Hajj untuk Permohonan Visa



Pengurusan Pembekalan dan Logistik Operasi Haji Tanah Suci



Pengurusan Petugas Sokongan Operasi Haji Tanah Suci

Pada tahun 1983, ***TH*** mula memberikan kursus proses menolong atau kemahiran kaunseling kepada bakal petugas sebagai persediaan mengendali dan berurusan dengan jemaah haji. Di peringkat awal, kursus ini dikendalikan oleh jurulatih daripada kalangan kaunselor bertauliah Jabatan Kebajikan Masyarakat semasa di tanah air.

Pembangunan mental, fizikal, dan spiritual untuk persediaan melahirkan petugas yang kompeten juga diberikan pada tahun-tahun berikutnya.

Cabaran bekerja dalam pelbagai suasana dan keadaan di Tanah Suci ketika menyantuni jemaah haji perlu dihadapi oleh petugas yang mempunyai kecerdasan mental, kecergasan fizikal, serta kemantapan spiritual.



Petugas kaunseling mengadakan lawatan ke bilik jemaah haji



Latihan ala tentera pernah juga dilalui selepas dipilih sebagai petugas. Kem tentera Batu 5, Mentakab, Pahang menjadi lokasi latihan fizikal dan mental petugas pada tahun 1993.

Latihan berkawad, menuruni menara, *team building*, menempuh halangan, meredah hutan berkumpulan, berkhemah di tebing Sungai Pahang, dan bersampan di Tasik Chini adalah antara aktiviti latihan pada masa itu.

Petugas juga turut melalui program Senandung Malam yang menyaksikan petugas melaksanakan arahan di luar kawasan, pada waktu tengah malam hingga awal pagi.








Petugas juga perlu menjalani simulasi operasi haji untuk merasai bertugas dalam suasana sebenar, terutama semasa di Arafah, Muzdalifah dan Mina.

Paling asas, petugas perlu melalui kefahaman bidang tugas dan tanggungjawab di Tanah Suci. Bengkel, latihan dan simulasi operasi haji dihadiri oleh petugas semua sektor.

Kompleks Haji di Kelana Jaya menjadi seperti akademi latihan petugas haji kerana hampir semua aktiviti bengkel, latihan dan taklimat diadakan di sini.














Bengkel dan latihan kepada petugas sebagai persiapan menghadapi musim haji








Kursus Teras Petugas Haji



Petugas yang menyantuni jemaah haji di Tanah Suci saban tahun sering dianggap sebagai wira yang tidak didendang atau *unsung heroes.*

Bekerja 24 jam selama tujuh hari seminggu dalam keadaan sentiasa bersedia menghadapi kecemasan, dengan pelbagai cabaran fizikal dan mental tidak menghalang petugas terus bersemangat menggalas tanggungjawab mereka kerana mereka turut mendambakan pahala dan kelebihan berkhidmat kepada tetamu Allah ketika di Tanah Suci.

Aktiviti petugas menyantuni jemaah haji



Slogan '*Bersama Santuni Dhuyufurrahman*' yang diperkenalkan pada tahun 2011, telah menjadi kata-kata semangat petugas haji yang berkesan. Laungan slogan ini telah mencetuskan rasa kebersamaan dan tekad di kalangan kumpulan petugas haji untuk melayani tetamu Allah dengan sebaik-baiknya. Apatah lagi bila lirik dan bait dari lagu *Bersama Santuni Dhuyufurrahman* mencetuskan semangat yang sangat diperlukan semasa mengendalikan operasi haji di tanah air dan Tanah Suci. Petugas yang memenuhi ciri-ciri Petugas Idaman sahaja yang menyarung jaket Rombongan Haji Malaysia setiap tahun.



Sejarah perkhidmatan petugas haji di Tanah Suci telah melalui pelbagai pengalaman seiring dengan perkembangan pengurusan haji. Matlamat pemergian mereka hanya untuk berkhidmat kepada jemaah haji agar kemabruran haji diperolehi seiring *dengan* slogan *'Hadirku Sebagai Dhuyufurrahman, Kembaliku Dengan Kemabruran'* yang diwujudkan mulai tahun 2015 untuk dihayati oleh jemaah haji.











PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 PERKHIDMATAN HAJI

TH mencipta sejarah menjadi institusi perkhidmatan haji di dunia yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa melalui pensijilan MS ISO: 9001 Perkhidmatan Haji.

Buat pertama kalinya ***TH*** telah diberikan sijil MS ISO 9001:1994 Perkhidmatan Haji di tanah air dan Tanah Suci melalui usaha yang dimulakan pada tahun 1997. Perkhidmatan Haji ***TH*** telah mengekalkan piawaian antarabangsa setelah berjaya memperoleh persijilan ISO 9001:2015 sehingga kini.

ISO 9001:2015
NO. PENSIJILAN : QMS 01569

Skop Pensijilan : PENGURUSAN DAN OPERASI PERKHIDMATAN HAJI DI MALAYSIA DAN ARAB SAUDI



Petugas Audit Dalaman ISO dan Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd.





PENGURUSAN HAJI KINI DAN MASA HADAPAN

Majlis Taaruf bersama Muassasah Tawafah Asia Tenggara

FAKTOR KEJAYAAN

Lembaga Tabung Haji (***TH***) telah membawa pengurusan haji rakyat negara ini ke era perkhidmatan yang lebih baik dan sistematik. Melalui kewujudannya, umat Islam berkesempatan menunaikan rukun Islam kelima dengan lebih mudah dan sempurna. Pengurusan haji Malaysia telah diiktiraf sebagai yang terbaik oleh kerajaan Arab Saudi dan negara lain di dunia.

Perjumpaan Muassasah Adilla'




Program Nadwah Urusan Haji Asia Tenggara (NUHAT) ialah perjumpaan meja bulat dalam kalangan badan-badan pengurusan haji negara serantau untuk membincangkan perkara kepentingan bersama serta sebagai satu wadah perkongsian pengalaman.





Tiga perkara penting yang menjadi faktor kejayaan pengurusan haji Malaysia.



Kejayaan Pengurusan Haji *TH*

Kejayaan pengurusan haji negara bermula daripada usaha bersungguh-sungguh yang dilaksanakan oleh Lembaga Tabung Haji (***TH***). ***TH*** berkemampuan menjana kewangan daripada usaha pelaburan hinggalah komitmen untuk mengadakan pelbagai inisiatif baru pengurusan haji.

Sokongan Kerajaan

Pihak berkuasa negara Malaysia dan Arab Saudi juga menjadi pencetus kepada kejayaan pengurusan haji. Sokongan yang kuat dan kerjasama yang rapat menjadikan urusan lebih mudah dan lancar. Pematuhan ke atas kehendak peraturan dan undang-undang kedua-dua negara juga dikendalikan dengan berkesan.

Kerjasama Jemaah Haji

Elemen kerjasama daripada jemaah haji Malaysia juga telah menyumbang kepada kejayaan pengurusan haji. Kesungguhan penyediaan diri dengan ilmu serta penampilan keperibadian dan tatasusila yang tinggi telah melicinkan lagi urusan ibadat dan urusan lain di tanah air dan Tanah Suci.

Lembaga Tabung Haji (***TH***) telah diiktiraf oleh kerajaan Arab Saudi sebagai pengurus haji yang terbaik dan menjadi contoh kepada negara-negara lain. Pengiktirafan ini telah melayakkan ***TH*** menerima anugerah Labaittom dalam kategori *Pembimbing Haji Terbaik Dunia Islam* untuk tahun 1443H. Pada 1444H ***TH*** sekali lagi menerima anugerah Labaittom bagi kategori *Kepuasan Tertinggi Dalam Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh Pejabat Urusan Haji*.



PENERIMA ANUGERAH LABAITTOM

oleh Kerajaan Arab Saudi, kategori

Pembimbing Haji Terbaik Dunia Islam

Best Awareness Program in the Islamic World









CABARAN

Peningkatan kos haji dan tempoh menunggu yang lama bagi rakyat negara ini untuk menunaikan haji menjadi cabaran utama mendepani pengurusan haji oleh ***TH***. Hal ini adalah kerana kos haji dan penetapan kuota haji tidak berada di bawah kawalan ***TH***.

Kemajuan teknologi dalam era digital juga merupakan suatu cabaran yang memerlukan persiapan agar ***TH*** mampu menghadapi perubahan baharu yang sentiasa berlaku secara pantas.

Cabaran perubahan undang-undang dan peraturan, jika berlaku, akan melibatkan pengubahsuaian proses kerja sedia ada.









PANDEMIK COVID-19





Pandemik COVID-19 yang melibatkan tertunda pemergian haji umat Islam negara ini pada tahun 2020 dan 2021, memberi gambaran bahawa cabaran seumpama ini boleh berlaku pada masa hadapan yang perlu ditangani.

Akhirnya, kejayaan pengurusan haji oleh ***TH*** sebelum ini turut memberikan cabaran untuk mengekal dan menambah baik dari pelbagai aspek perkhidmatan dan kemudahan demi kebajikan jemaah haji.

PELAN INDUK PENGURUSAN HAJI (*HAJJ BLUEPRINT*)

Selaras dengan hasrat untuk memacu kecemerlangan pengurusan haji bertaraf dunia dan memperkukuhkan lagi penyampaian perkhidmatan haji, ***TH*** merangka tindakan ke atas lima teras yang penting.





TH beriltizam melaksanakan tindakan ke atas kelima-lima teras ini dalam tempoh 2021 hingga 2025. Pelan yang strategik dan sistematik ini akan menyediakan ***TH*** melalui era yang lebih mencabar pada masa hadapan berdasarkan perubahan yang sentiasa berkembang dan berubah.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada organisasi dan individu yang telah memberi sumbangan dan sokongan dalam penerbitan buku bergambar *Sejarah Haji Malaysia*.

Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Muzium Haji, Pertubuhan Bekas Anggota Kumpulan Tabung Haji (PBAKTH), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Arkib Negara Malaysia, National Archives of Singapore, TH Travel & Services Sdn. Bhd.

Individu: Puan Kamariah Md Natt, Puan Zainab Arshad, Profesor Dr. Faridah Abdul Rashid dan Dr. Aiza Maslan@Baharudin.

A
Abdul Majid Zainuddin · 21, 38, 47, 56, 57, 62
Abdullah Munsyi · 20, 60, 61
Aden · 21, 24
Air Asia · 32
Akta 535 Akta Tabung Haji, 1995 · 143
Akta Parlimen · 72
Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 (Akta 152) · 102
aplikasi · 134
Arafah · 38, 144, 145, 148, 170
Atase Haji · 167

B
Bahagian Kewangan · 122
Bahagian Khidmat Komputer · 122
bangunan penginapan · 90
Batu Bersurat · 11
Bersama Santuni Dhuyufurrahman · 174
bubun · 85

C
cacar · 57, 85

D
Dalil · 44
dashboard · 135
Dato' Dr. Haji Azmi bin Ahmad · 88
Dato' Haji Ahmad bin Yeop Abdul Hamid · 162
Dato' Haji Ali Rouse · 162
Dato' Setia Jasa Haji Muhammad Saleh Haji Awang · 14
Datuk Haji Harun bin Baba · 104
Donalson International Airlines · 31
Dr. Aiza Maslan@Baharudin · 14
Dr. Kamil Mohd Ariff · 69
Dr. S.M Baboo · 86

E
era digitalisasi · 122, 134

G
Ghali · 24

H
Haji (Dato') Mustapha Al Bakri · 69
Haji Mohd Ali Rouse · 68
Hajj Blueprint · 186
Hajj Mobility · 134
Hanafiah bin Hussain · 73
head count · 134, 159
Hikayat Hang Tuah · 16, 17
hukum-hakam haji dan umrah · 118

I
ibadat haji · 6, 7, 12, 18, 56, 62, 73, 108, 111, 118

J
Jaafar bin Jusoh · 60
Jabatan Kebajikan Masyarakat · 164, 168
Jabatan Telekom · 102
Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji ***TH***/JAKIM · 119
Jawatankuasa Penasihat Urusan Haji · 41, 67
Jawatankuasa Siasatan Haji · 69
Jeddah · 16, 20, 21, 26, 38, 47, 57, 61, 62, 92, 100, 102, 108, 155, 167
Jong · 24
Juhaiman bin Muhammad Saif al Utaiby · 155
Jumlah Pendeposit · 74
Jumlah Simpanan Terkumpul · 74

K
Kampung Gelam · 46
kapal Kuala Lumpur · 62
kapal terbang · 30, 31, 80, 94
kaunseling · 168
Kedah Tua · 11
Kemajuan teknologi · 184
Kementerian Kesihatan Malaysia · 88, 90, 164
kerajaan Melayu Melaka · 15
Kertas Khas Nahas Terowong Muassim · 157
Ketua Maktab Muassasah · 126
Ketua Rombongan Haji Malaysia · 165
kiraan Jemaah Haji · 159
Kompleks Haji Bayan Lepas · 95
Konsul Haji · 167
kos haji · 184
Kumpulan Perumahan Khas (KPK) · 142
kuota haji · 81, 184
Kursus haji · 110
kursus proses menolong · 168

L
Laksamana Hang Tuah · 16, 44
Latihan ala tentera · 169
latihan fizikal · 169
Lebuh Acheh · 28, 46, 92, 108, 109
Lembaga Tabung Haji · 2, 6, 7, 180, 182
Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) · 30
Lynda Norene Shaffer · 25

M
Madinah · 7, 44, 47, 60, 62, 100, 102, 104, 155
Madinatul Hujjaj · 47, 155
makanan sedia dimakan · 107
Makkah · 7, 15, 18, 19, 38, 39, 44, 46, 47, 60, 62, 79, 98, 100, 102, 104, 129, 140, 148, 155, 158, 163
Makkah Route · 98
Masjidil Haram · 103, 129, 131, 154, 155, 158, 159
Masya' ir · 134, 148
Matheson dan Hooker · 14
Mendam Berahi · 16
menyusur pantai di bawah angin · 24
Mesyuarat Menteri-Menteri Besar · 67
Mina · 38, 144, 148, 150, 170
MISBAHA · 14, 24, 38, 86, 162
Movenpick Hotel & Convention Centre · 97
Muaissim · 150, 152
Muslim Pilgrim Ordinance · 57, 68
Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) · 118
Muzdalifah · 144, 148, 170

N
Nasi Gerit · 40
Nusantara · 26, 44

O
Ordinan Pengurusan Haji Orang-orang Islam, 1951 · 68

P
pakej haji · 140
Pakistan International Airlines · 31
Pandemik COVID-19 · 185
papan pemuka · 135
Parameswara · 11
Pas Haji · 57, 80
pasport · 80, 94, 100
Pasport Malaysia Antarabangsa · 80
pasukan perubatan · 86, 88
Pegawai Pengawal Haji · 67, 68, 162
Pegawai Perubatan · 126
Pejabat Hal Ehwal Urusan Haji · 68, 78, 162

INDEKS

Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia, Jeddah · 167
Pejabat ***TH*** KSA · 167
Pelabuhan Aceh · 26
Pelabuhan Swettenham · 108
Pelan Induk Pengurusan Haji · 186
Pelayar Melayu · 25
pemakaian gelang · 157
pemberontak · 154, 155
Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) · 111, 116, 164
pemeriksaan kastam dan imigresen · 94
Pemerintah Inggeris · 57
Pendaftar Kelahiran dan Kematian · 103
pendakwah · 10
pendeposit · 6, 74, 79
pengangkutan kapal haji · 26
Pengarah Kebajikan · 162
pengecaman mangsa · 159
Pengelola Jemaah Haji (PJH), · 140, 143
Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) · 111, 112
Pengurusan Bencana Operasi Haji Tanah Suci · 161
pengurusan haji · 6, 7, 47, 56, 69, 78, 84, 110, 163, 167, 174, 182, 184, 186
Pengurusan haji Malaysia · 180
Pengurusan maktab · 130, 131
pensijilan MS ISO: 9001 Perkhidmatan Haji · 176
Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu · 66
Perbadanan Pengangkutan dan Perusahaan Tabung Haji · 30, 140
Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji · 71, 72, 78
Perjanjian Pangkor 1874 · 56
Perkhidmatan kesihatan · 85, 86, 90
perkhidmatan sajian · 104
Perkhidmatan Sewa Khas · 140
Pernas / Tabung Haji Computer Bureau Sdn Bhd · 122
Pertubuhan Persidangan Islam · 81
Pesuruhjaya Haji · 38, 57, 68, 162, 163
Petugas Idaman · 174
Pilgrim & Pilgrim Ship Rules, 1930 · 57
Pilgrim Pass for Mecca · 80
Pilgrim Ship Rules, 1930 · 85
Pilgrimage Investigation Committee · 69
Pilgrims Economy Improvement Plan · 71
Pilgrims Pass Rule, 1926 · 57
Pintu Soal · 47
Pra-pelepasan · 98
Profesor Datuk Dr. Mohammad Redzuan Othman · 14
Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid · 70
Profesor Dr. Faridah Abdul Rashid · 86
program bimbingan · 112
program Senandung Malam · 169
Pulau Camaran · 57
Pusat Maklumat Operasi · 135

R

Rais Maktab · 126
Raja Haji Ahmad bin Raja Endut, Menteri Besar Perlis · 67
Rancangan Membaiki Ekonomi Jemaah Haji · 71
Rang Undang-Undang Akta 8, Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH) · 78
rawatan · 85, 90, 126
Resolusi MHPK · 118
risiko operasi · 160
Rombangan Perubatan · 164
Rombongan Haji Malaysia · 165, 174
Rombongan Kebajikan · 164

S

Sahabat Maktab · 136
Saudi Airlines · 32
Sayyid Alwee al Hadi · 62
siapa daftar dahulu · 81
Sijil Kematian · 100
Sijil Lahir · 100
Sikit-Sikit Lama-Lama Jadi Bukit · 73
Sirih Tuam · 40
Sistem Amir · 142
sistem kuota · 81
sistem maklumat operasi haji · 134
Sistem Muassasah · 50, 52, 126, 163
Sistem Pendaftaran Haji Terbuka · 81
Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) · 31, 32
Sistem Taraddudiyah · 148
Snouck Hurgronje · 14
St. John Ambulance · 92
stesen berlepas · 97
Subulus Salam · 20
Sudan Airways · 31
Sultan Alauddin Riayat Shah · 15
Sultan Mansur Shah · 15
Suma Oriental (1512-1515) · 15
Syahadah Milad · 100
Syahadah Wafat · 100
Syarikat Blue Funnel · 26
Syarikat China Navigation · 26
syarikat Great Malaysia Line · 30
Syarikat Great Malaysia Line · 26
Syeikh Abdullah Fahim · 18
Syeikh Haji · 39, 44, 46, 47, 50, 52, 62, 68, 80, 100, 108, 144, 145, 150, 155, 163

T

Tan Sri Hanafiah Ahmad · 31
Tanah Suci · 6, 7, 12, 18, 19, 21, 38, 39, 44, 57, 61, 62, 81, 85, 86, 88, 92, 94, 100, 101, 103, 104, 108, 109, 116, 129, 140, 142, 154, 160, 162, 164, 167, 168, 170, 174, 176, 182
tayangan wayang pacak · 73
team building · 169
teknologi maklumat · 122
telefon bimbit · 134
telegram · 102
teleks · 102
terowong · 150, 156
tiupan di atas angin · 24
Tok Kenali · 19, 60
Tome Pires · 15
Tong Sahara · 39
touch point · 79
tragedi · 150, 154, 158, 160
tragedi kren tumbang · 159
tragedi terowong · 156, 157
tragedi terowong Muaissim · 156
Transmile · 32
Tun Abdul Razak Dato' Hussain, · 72
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj · 66

U

UNIVAC · 122

V

vaksin · 57, 85
visa haji · 80

W

wabak kolera · 85
William R. Roff · 14
wira yang tidak didendang · 173





TABUNG HAJI GROUP

SEJARAH
HAJI MALAYSIA

ISBN 978-983-2819-38-7

